

## Liabiliti Jenayah Ke Atas Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) (AI)

(*Criminal Liability on Artificial Intelligence*)

NUR HUSNA BINTI AZIZAN & NAZURA ABDUL MANAP

### Abstrak

Kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *Artificial Intelligence (AI)* bukanlah satu perkara yang baharu dalam dunia teknologi. Namun, tidak dinafikan masih terdapat banyak kekurangan dan kajian yang perlu dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat teknologi ini. Teknologi AI ini pertama kali diperkenalkan pada tahun 1956 oleh seorang profesor daripada University of Stanford, Amerika Syarikat. Melalui perkembangan yang pesat, kini teknologi ini mampu membantu manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Tidak dinafikan manusia mempunyai kemampuan untuk berfikir dan membuat keputusan, namun terdapat limitasi yang tidak mampu diatasi. Kualiti dan tempoh yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan mampu untuk memperoleh dan memproses data dan maklumat dengan lebih pantas dan tepat. Sebagai contoh, ketepatan teknologi ini telah digunakan oleh Mahkamah Majistret Kota Kinabalu apabila sistem berteknologi AI telah digunakan untuk menentukan hukuman ke atas tertuduh yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Walau bagaimanapun, muncul isu yang besar di sebalik kebaikan yang diberikan di mana teknologi AI ini mampu untuk membuat keputusan tanpa sebarang arahan oleh manusia. Teknologi AI telah meragut nyawa seorang pekerja kilang di Jepun kerana pekerja tersebut dianggap merupakan satu halangan yang perlu dihapuskan. Tanpa arahan diberikan oleh manusia, mesin tersebut telah membuat keputusan sendiri. Hal ini menyerlahkan satu jurang kritikal dalam perundangan jenayah Malaysia yang masih berorientasikan liabiliti terhadap manusia atau entiti korporat, sedangkan AI sebagai entiti bukan manusia dengan kapasiti membuat keputusan autonomi belum diiktiraf dalam mana-mana peruntukan Kanun Keseksaan mahupun akta lain yang berkaitan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji tanggungan di bawah undang-undang jenayah yang boleh dikenakan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh teknologi AI. Metodologi yang digunakan adalah secara kualitatif melalui kajian literatur. Hasil penulisan ini menunjukkan bahawa undang-undang jenayah di Malaysia secara amnya masih belum bersedia untuk meletakkan tanggungjawab ke atas teknologi AI dengan sendirinya. Hal ini kerana Kanun Keseksaan Malaysia masih mendefinisikan pihak yang bersalah sebagai lelaki, perempuan ataupun syarikat. Maka, liabiliti terdekat yang boleh dikenakan adalah terhadap syarikat ataupun badan korporat yang terlibat. Namun, pendekatan ini masih terdapat kelompangan memandangkan elemen *mens rea* sukar untuk dibuktikan dan elemen ini sangat penting untuk menentukan liabiliti jenayah. Oleh hal yang demikian, satu cadangan am telah dikemukakan agar pihak penggubal undang-undang dapat membuat perbincangan untuk mengkaji dan membuat penambahbaikan terhadap Kanun Keseksaan Malaysia dan undang-undang berkaitan agar tanggungan boleh dikenakan terhadap pihak yang sewajarnya.

**Kata kunci:** Undang-undang Jenayah Malaysia, liabiliti jenayah, liabiliti jenayah korporat, kecerdasan buatan

Artificial Intelligence (AI) is not a new concept in the world of technology. However, it cannot be denied that there are still various challenges and shortcomings that require further research to address the issues arising from its use. AI technology was first introduced in 1956 by a professor from Stanford University, United States. With rapid technological advancement, AI now has the capability to assist humans in their daily lives more efficiently. Although humans possess the ability to think and make decisions, there are certain limitations that cannot be overcome, particularly in the aspect of processing information quickly and accurately. For instance, the reliability of AI technology has been demonstrated in the Magistrate's Court of Kota Kinabalu, where an AI-based system was used to assist in determining the sentence of an

accused person convicted under Section 12(2) of the Dangerous Drugs Act 1952. Nevertheless, behind the advantages offered, AI technology also raises serious concerns, particularly when it is able to make decisions autonomously without human intervention. A notable example is an incident in Japan, where a factory worker lost his life after being deemed an obstacle by an AI system, which then proceeded to eliminate him without any instruction from a human operator. This incident raises a significant legal question concerning criminal liability and responsibility when harm is caused by an AI system. Currently, there are no specific provisions in the Malaysian Penal Code or other relevant laws that define the status of AI systems as subjects of criminal liability, thereby creating a legal gap when harm occurs due to AI actions. Therefore, this project paper aims to examine the scope of criminal liability that can be imposed when offences are committed through the use of AI technology. The methodology employed is qualitative, based on doctrinal legal research. The findings indicate that Malaysian criminal law is generally not yet prepared to impose direct responsibility on AI systems. This is because the Penal Code still defines offenders as “male”, “female” or “company”. Thus, the closest form of liability that can currently be applied is through the companies or corporate entities involved. However, this approach remains flawed, especially in proving the element of mens rea (criminal intent), which is crucial in establishing criminal liability. Accordingly, this paper proposes that lawmakers initiate comprehensive discussions to review and reform the Penal Code and other relevant laws, so that legal liability can be appropriately assigned to the responsible parties in cases involving AI systems.

Keywords: Malaysian Criminal Law, Criminal Liability, Corporate Criminal Liability, Artificial Intelligence.

## PENDAHULUAN

Kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) merupakan satu cabang teknologi yang berkembang pesat sejak ia mula diperkenalkan sekitar tahun 1956 oleh seorang profesor dari Universiti Stanford, Amerika Syarikat (McCarthy, Minsky, Rochester, & Shannon, 1955). Teknologi ini berupaya membolehkan mesin atau komputer meniru dan melaksanakan tingkah laku serta pemikiran manusia. Pada peringkat awal, komputer hanya bertindak sebagai alat bantuan untuk memproses data. Namun, perkembangan AI kini membolehkan mesin membuat keputusan sendiri berdasarkan maklumat dan pengalaman yang diberikan. Alan Turing, seorang ahli matematik terkemuka, telah memperkenalkan Ujian Turing yang membuktikan potensi mesin untuk berfikir seumpama manusia (Turing, 1950). Berdasarkan perkembangan ini, AI dikategorikan kepada tiga tahap utama, iaitu Artificial Narrow Intelligence (ANI) yang hanya mampu

melaksanakan tugas-tugas khusus, Artificial General Intelligence (AGI) yang setanding dengan kebolehan berfikir manusia, dan Artificial Super Intelligence (ASI) yang melangkaui keupayaan intelektual manusia.

Asas kepada pembentukan sistem AI ialah algoritma, yang digabungkan dengan dua komponen penting iaitu faktor berasaskan pengetahuan (knowledge base) dan faktor berasaskan sebab (inference engine). Gabungan ini membolehkan sistem AI berfungsi secara cekap dan berkesan dalam pelbagai situasi. Penggunaan AI semakin meluas dalam kehidupan seharian, seperti dalam aplikasi navigasi (Waze, Google Maps) dan pembantu suara pintar (Siri, Google Assistant). Negara-negara maju seperti China dan Amerika Syarikat kini giat mempertingkatkan teknologi AI dalam pelbagai sektor, khususnya dalam bidang pertahanan. China mensasarkan untuk mengatasi Amerika Syarikat menjelang tahun 2030, dengan peningkatan ketara dalam penerbitan penyelidikan AI. Amerika Syarikat pula telah memperuntukkan dana besar untuk pembangunan teknologi ini,

termasuk penggunaannya dalam senjata pemusnah dan sistem pertahanan pintar (Conger, Metz, & Wakabayashi, 2018). Rusia turut giat membangunkan AI dalam ketenteraan dengan melaksanakan ujian terhadap sistem pertempuran autonomi dan semi-autonomi (Bendett, 2020). Selain bidang pertahanan, kecerdasan buatan turut membawa impak besar dalam sektor kesihatan. Di Amerika Syarikat, Institut Kanser Negara menekankan kepentingan memperluas penggunaan AI bagi meningkatkan ketepatan diagnosis penyakit kanser serta mempercepatkan proses rawatan. Teknologi AI juga sedang diterapkan dalam sistem kesihatan di Dubai, di mana Hospital Amerika Dubai telah menggunakan robot pembedahan berasaskan algoritma pembelajaran mesin (machine learning). Robot ini berupaya menjalankan pembedahan secara tepat berdasarkan maklumat perubatan dan rakaman video terdahulu tanpa arahan langsung daripada manusia. Keputusan penggunaan teknologi ini menunjukkan hasil yang memberangsangkan dengan kesan pembedahan yang minimum serta tempoh penyembuhan yang lebih singkat. Hal ini jelas membuktikan bahawa kecerdasan buatan bukan sahaja menyumbang kepada kemajuan teknologi, malah mampu meningkatkan kualiti hidup dan keselamatan manusia dalam pelbagai bidang.

#### ISU KESALAHAN JENAYAH BERKAITAN DENGAN AI

Kemajuan teknologi berkembang dengan sangat pesat pada zaman kini dengan pelbagai inisiatif-inisiatif baharu yang diperkenalkan sehinggakan teknologi mampu menggantikan tugas seorang manusia biasa. Teknologi kecerdasan buatan yang mampu untuk melakukan aktiviti-

aktiviti seorang manusia biasa seperti memandu kereta tanpa kawalan manusia, melakukan diagnosis penyakit dan juga digunakan dalam menjatuhkan hukuman ke atas penjenayah-penjenayah. Sebagai contoh, pada 19 Februari 2020, Mahkamah Majistret di Kota Kinabalu telah menggunakan teknologi AI bagi menentukan hukuman ke atas tertuduh yang telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Rodello, 2020).

Walaupun AI dilihat mampu untuk membantu manusia dalam menjalani kehidupan seharian dengan lebih baik, terdapat juga kekurangan yang mendatangkan masalah dan gangguan. Kekurangan tersebut juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa kerana hakikatnya AI merupakan satu robot yang mempunyai kebarangkalian untuk bertindak di luar kawalan manusia. Selain itu, teknologi bagi AI yang sangat tinggi sekarang boleh menyebabkan AI membuat tindakan berdasarkan keputusannya sendiri dan bukan melalui arahan manusia. Misalnya seperti yang telah berlaku di Jepun pada di mana seorang pekerja kilang telah maut disebabkan oleh AI yang telah mengambil tindakan untuk ‘menghapuskan’ pekerja tersebut kerana dianggap sebagai gangguan yang menghalang mesin di dalam kilang tersebut untuk beroperasi dengan baik (Gabriel, 2010). Robot tersebut telah memerangkap tangan pekerja lelaki bernama Kenji lalu menolaknya. Perkara ini telah menyebabkan mesin yang digunakan untuk memotong peralatan di kilang tersebut meragut nyawa Kenji. Pekerja-pekerja di sekitar tidak dapat membantu kerana tidak mengetahui cara untuk memberhentikan mesin yang telah bertindak dengan sendiri itu.

Seterusnya, kes kematian Robert Williams yang telah berlaku di

sebuah kilang kereta di Michigan, Amerika Syarikat. Pada 25 Januari 1979, Robert Williams yang berada di kilang untuk mengambil beberapa peralatan untuk membaiki kereta telah dipukul oleh sebuah robot yang sedang mengumpul peralatan-peralatan tersebut. Robert dianggap telah menghalang dan mengganggu kerja robot tersebut menyebabkan robot itu memukul Robert dengan tangannya yang mempunyai berat sebanyak 1000 kilogram. Akibat daripada hentakan yang kuat tersebut, nyawa Robert telah diragut di tempat kejadian. Kedua-dua kes Kenji dan Robert jelas menunjukkan berlakunya kelakuan jenayah oleh robot sehinggakan menyebabkan kehilangan nyawa manusia. Robert dan Kenji yang telah dianggap sebagai halangan bagi robot untuk melakukan kerja menunjukkan terdapat kebarangkalian yang besar bahawa penilaian yang dilakukan oleh mesin berteknologi AI mempunyai kelemahan dan boleh menimbulkan masalah yang besar.

Seterusnya, kes kematian yang berlaku melibatkan robot pada tahun 2015 di Michigan, Amerika Syarikat (Gabrielle, 2020). Seorang wanita bernama Wanda Holbrook yang bekerja sebagai juruteknik penyelenggaraan di sebuah kilang peralatan kereta telah dipukul oleh robot sehingga menyebabkan kematian. Robot itu tanpa jangkaan dan tanpa diarahkan oleh manusia telah mendekati Wanda dan memukul kepalanya sehingga pecah. Realitinya, terdapat pintu yang membahagikan antara pekerja kilang dan robot kilang bagi tujuan keselamatan. Namun begitu, kepintaran yang ada pada robot berteknologi AI telah berjaya mengatasi halangan keselamatan tersebut dan merentasi bahagian kerja di mana Wanda berada. Hakikatnya terdapat kesilapan (*glitch*) pada sistem dan pekerja lain hanya

menyedari perkara tersebut berlaku apabila Wanda sudah tidak bernyawa (Gabrielle, 2020). Hal ini menunjukkan sistem AI mempunyai kebarangkalian untuk melakukan kesalahan jenayah.

Akhir sekali, kes yang melibatkan kereta pemanduan sendiri atau lebih dikenali sebagai *self-driven car* telah mengambil keputusan untuk melanggar seorang pejalan kaki. Kes ini berlaku di Arizona, Amerika Syarikat pada tahun 2018. Kereta tersebut telah berada dalam mod pemanduan sendiri dan bergerak pada kelajuan 40km/j tetapi tidak memberhentikan atau mengurangkan kelajuan kereta ketika mendekati mangsa, Elaine Hezberg, yang sedang melintas (Lauren, 2022). Hakikatnya, teknologi AI pada kereta tersebut telah dipasang untuk menilai dan mengurangkan kelajuan sekiranya terdapat pejalan kaki berdekatan. Video rakaman insiden tersebut juga jelas menunjukkan pemandu hanya sedar apabila Elaine telah dilanggar dan kelihatan sangat terkejut. Hal ini berlaku kerana pemandu yang telah meletakkan kereta dalam mod pemanduan sendiri kebiasaannya akan leka dan tidak peka dengan keadaan sekeliling memandangkan mereka berada di dalam kenderaan yang berteknologi tinggi.

Kes-kes yang berlaku ini jelas menunjukkan terdapat kebarangkalian yang tinggi untuk satu robot berteknologi AI membuat keputusan sendiri tanpa arahan manusia. Dalam keadaan cemas yang berlaku ini, tidak banyak yang boleh dilakukan oleh manusia memandangkan mesin akan bertindak di luar kawalan. Memandangkan robot juga merupakan satu entiti yang tidak mempunyai perasaan, perkara ini juga menjadi faktor kepada kebarangkalian untuk kecederaan atau kematian berlaku. Kebanyakan sistem AI mempunyai pengisian untuk menghapuskan apa-apa

objek yang menghalang tugas mereka. Apabila robot berpendapat bahawa manusia adalah objek yang menyebabkan gangguan, tanpa berfikir panjang, robot tersebut akan 'menghapuskan' objek tersebut dan menyambung tugas mereka seolah-olah tiada apa-apa perkara berlaku. Oleh itu, adalah amat penting untuk mewujudkan satu rangka kawal selia yang jelas dan menyeluruh bagi memastikan sistem AI tidak membahayakan nyawa manusia serta bertindak mengikut parameter etika dan undang-undang yang ditetapkan.

#### UNDANG-UNDANG DAN LIABILITI JENAYAH DI MALAYSIA

Terdapat perbezaan dalam menentukan sama ada satu kegiatan yang menentang norma atau moraliti satu masyarakat dianggap sebagai satu perbuatan jenayah atau kesalahan sivil. Kesalahan jenayah mempunyai kesan yang sangat besar memandangkan perbuatan-perbuatan yang dianggap sebagai salah di bawah Kanun Keseksaan merupakan satu kesalahan terhadap negara. Perkara ini tidak asing lagi memandangkan perbuatan jenayah akan mendatangkan gangguan kepada keharmonian satu masyarakat. Penduduk-penduduk di tempat yang mempunyai kadar kes jenayah yang tinggi akan sering berasa gelisah dan tidak tenang kerana keselamatan mereka tidak terjamin. Disebabkan itu juga, tiada had masa dikenakan untuk seseorang membawa kes jenayah ke muka pengadilan (Williams, 1955). Bagi kesalahan sivil yang telah melanggar had masa (*limitation period*) yang ditentukan, mahkamah tidak akan mengambil tindakan untuk menjalankan perbicaraan bagi kes tersebut. Seterusnya, perbezaan juga dapat dilihat melalui kesan kepada

masyarakat apabila satu kesalahan jenayah dan kesalahan sivil dilakukan. Memandangkan kesalahan sivil hanya melibatkan kesalahan antara satu individu dan individu yang lain, kesannya akan kurang dirasakan oleh masyarakat. Sebagai contoh, kesan daripada perbuatan cuai yang merupakan satu kesalahan tort hanya akan dirasakan oleh pihak-pihak yang terlibat (Ellen, 2000).

Memandangkan hukuman bagi satu kesalahan jenayah akan memberi kesan yang buruk kepada pelaku, mahkamah hanya akan mensabitkan kesalahan setelah meneliti segala pembuktian yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan. Beban pembuktian terletak pada pihak pendakwaan untuk mahkamah menentukan sama ada perbuatan itu benar-benar dilakukan oleh tertuduh. Pihak tertuduh mempunyai keraguan munasabah bahawa mereka tidak bersalah selagi mana pihak pendakwaan tidak berjaya membuktikan bahawa kegiatan jenayah itu sememangnya dilakukan oleh tertuduh. Perkara ini juga seperti yang telah dinyatakan oleh Lord Sankey LC - dalam kes *Woolmington v DPP [1935] UKHL 1* bahawa tidak kira sama ada seseorang itu dituduh atas apa jua jenis kesalahan jenayah, prinsip yang diamalkan oleh undang-undang Inggeris kekal bahawa mereka tidak dianggap sebagai bersalah selagi mana pihak pendakwaan tidak berjaya membuktikannya. Penekanan bagi prinsip ini juga ditekankan apabila beliau juga menyatakan bahawa "*no attempt to whittle it down can be entertained*" yang menghalang mana-mana cubaan untuk menentang prinsip keraguan yang munasabah. Pihak tertuduh akan sedaya upaya menyangkal segala pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka menggunakan pembelaan yang akan mematahkan hujahan-hujahan pihak

pendakwa.

Seterusnya, bagi menentukan sama ada seseorang adalah bertanggung ke atas perbuatan jenayah yang dilakukan, terdapat 2 elemen penting yang perlu dipenuhi bagi menentukan liabiliti tersebut. Perundangan jenayah di Malaysia menggunakan teori dan prinsip tanggungan jenayah sama seperti yang digunakan di dalam *common law* Inggeris. Prinsip asas bagi tanggungan jenayah pertama kalinya diperkenalkan di dalam kes *Fowler v Pedget (1798) 101 ER 1103* apabila Hakim Lord Kenyon mengatakan bahawa “*it is a principle of natural justice and of our law actus non facit reum, nisi men sit rea*”. Melalui prinsip yang diperkenalkan ini, ungkapan Latin “*actus non facit reum, nisi men sit rea*” digunakan untuk menentukan seseorang itu bersalah dengan kesalahan jenayah. Ungkapan ini secara amnya membawa maksud bahawa seseorang tidak boleh disabitkan bersalah atas kesalahan jenayah hanya dengan melihat kepada perbuatan semata-mata. Perbuatan kesalahan jenayah perlu disertakan dengan niat jahat pelaku ketika melakukan perbuatan tersebut.

#### Elemen-elemen Tanggungan Jenayah

Apabila seseorang telah melakukan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, adalah penting untuk menentukan elemen-elemen tanggungan jenayah telah dipenuhi sebelum hukuman dijatuhkan. Elemen ini adalah berdasarkan prinsip asas “*actus non facit reum nisi mens sit rea*” yang memberi maksud seseorang yang melakukan kesalahan jenayah tidak dianggap bersalah sekiranya perbuatan tersebut dilakukan tanpa niat dan tujuan yang jahat. Beban diletakkan kepada pihak pendakwa raya untuk membuktikan kedua-dua elemen ini

wujud pada tertuduh agar keraguan munasabah dapat disangkal (Samsuddin, 2013, Azmi, 2019; Ghafur, 2020).

#### Actus Reus

Elemen pertama bagi menentukan tanggungan jenayah terhadap seorang individu dikenali sebagai *actus reus*. ‘Actus’ merujuk kepada satu perbuatan yang berpunca disebabkan oleh adanya pergerakan fizikal dilakukan oleh tertuduh manakala ‘reus’ merujuk kepada perbuatan manusia yang dikawal oleh undang-undang (Nigam, 1965). *Actus reus* merupakan elemen yang jelas kerana perbuatan dapat dilihat secara zahir menggunakan mata kasar. Elemen ini juga termasuk apa jua bentuk perbuatan atau tingkah laku secara tidak langsung tetapi mampu memberi gambaran bahawa niat jahat telah disertakan (Shamsuddin, 2019). Perbuatan yang dimaksudkan merangkumi apa-apa tindakan ataupun ketinggalan melakukan satu perbuatan. Seksyen 33 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa perkataan “perbuatan” merujuk satu siri perbuatan serta jua satu perbuatan tunggal manakala perkataan “ketinggalan” merujuk kepada satu siri ketinggalan serta jua suatu ketinggalan tunggal.

Pembentukan elemen *actus reus* terhasil daripada tindakan atau ketinggalan yang menyebabkan satu kegiatan jenayah berlaku. Tindakan ini dilakukan oleh pelaku sama ada secara sedar, dengan cuai dan tidak berhati-hati, perbuatan gopoh serta kelakuan yang membuta tuli. Ketinggalan pula merujuk kepada perbuatan seseorang yang tidak melakukan sesuatu dengan sengaja seperti yang telah diarahkan atau diletakkan tanggungjawab ke atasnya oleh undang-undang. Terdapat dua keadaan di mana satu ketinggalan boleh menyebabkan satu kesalahan jenayah (Cross & Jones, 1976). Pertama

sekali, apabila pelaku gagal untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan sebagai contohnya kegagalan untuk memakai tali pinggang keledar di tempat duduk belakang. Peraturan ini telah dikuatkuasakan melalui Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan 2008) dan perbuatan yang melanggar peraturan ini merupakan satu kesalahan. Kedua, ketinggalan dalam elemen *actus reus* juga merujuk kepada kegagalan untuk melaksanakan kewajipan atau tanggungjawab yang telah dipersetujui seperti hubungan yang timbul daripada pembentukan kontrak. Di dalam kes *R v Instan [1893] 1 QB 450*, tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan mematikan orang dengan salah kerana telah menyebabkan kematian ibu saudaranya. Tertuduh tinggal bersama ibu saudaranya yang sakit dan tidak mampu untuk menjaga dirinya sendiri. Hanya tertuduh sahaja yang mengetahui keadaan kritikal si mati. Tertuduh telah gagal untuk membekalkan bantuan makanan dan perubatan yang telah mengakibatkan kematian ibu saudaranya. Mahkamah memutuskan tertuduh adalah bersalah kerana tertuduh mempunyai satu tanggungjawab di bawah *common law* untuk mendapatkan bantuan perubatan dan menjaga makan minum si mati memandangkan si mati yang telah menjaga dan memberikan wang poket kepada anak saudaranya yang tinggal bersama. Kegagalan tertuduh untuk memberi makanan kepada si mati dianggap sebagai memenuhi elemen *actus reus* bagi kesalahan mematikan orang dengan salah.

Kepentingan bagi membuktikan elemen *actus reus* ini dinyatakan di dalam kes *R v Deller (1952) 36 Cr App* di mana tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan memiliki kereta dengan salahnyataan (*obtaining a car by false pretences*). Tertuduh telah

mendorong seorang lelaki untuk membeli keretanya dengan menyatakan bahawa kereta tersebut bebas daripada sebarang bebanan seperti hutang. Tertuduh percaya bahawa dia telah melakukan salahnyataan kerana tertuduh beranggapan bahawa dia telah memasuki satu perjanjian gadai janji dengan sebuah syarikat kewangan. Namun, tanpa tertuduh sedari, dokumen gadai janji itu telah dianggap tidak sah kerana terdapat terma di dalam perjanjian yang tidak dipenuhi ketika itu. Maka, kereta tersebut telah diputuskan sememangnya bebas daripada sebarang beban hutang. Hakim Hilbery melepaskan tertuduh dengan menyatakan bahawa walaupun tertuduh mempunyai niat jahat untuk melakukan salahnyataan, elemen *actus reus* tidak dipenuhi memandangkan perbuatan tersebut tidak dilaksanakan secara sempurna.

Perkara-perkara yang menentukan satu perbuatan jenayah juga boleh berubah-ubah mengikut jenis dan keadaan satu kes. Sebagai contoh, bagi kes kecurian, pihak pendakwaan perlu memenuhi beberapa elemen seperti harta curi adalah milik orang lain manakala bagi kes rogol, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa mangsa tidak rela untuk melakukan perbuatan seks bersama tertuduh. Di dalam kes *Haughton v Smith [1973] UKHL 4*, pegawai polis telah bertindak dengan memberhentikan sebuah van yang sedang membawa barangan yang telah dicuri. Pegawai polis mengambil keputusan untuk mengambil alih van tersebut untuk menemui rakan pemilik van yang akan menerima barangan curi di London. Tertuduh merupakan salah seorang yang menunggu barangan tersebut dan dia telah ditangkap oleh polis yang mengendalikan van curi tersebut. Tertuduh berhujah bahawa elemen *actus reus* tidak dipenuhi

memandangkan ketika dia bersedia untuk mengambil barangan tersebut, barangan itu tidak lagi dianggap sebagai harta curi. *House of Lords* menerima rayuan tertuduh dengan alasan bahawa ketika tertuduh membuat cubaan untuk mengambil barangan curi tersebut, barangan itu dianggap sebagai barangan jagaan undang-undang dan bukan harta curi. Status barangan tersebut berubah menjadi barang jagaan undang-undang (*law custody*) apabila pihak polis mengambil alih van tersebut. Kes ini jelas menunjukkan bahawa keadaan satu kes mempengaruhi pelaksanaan elemen *actus reus*.

Namun, kes *R v Roberts (1971) EWCA Crim 4* menjelaskan keadaan di mana walaupun keadaan menunjukkan bahawa tiada perbuatan secara terus juga boleh menyebabkan elemen *actus reus* dipenuhi. Di dalam kes ini, tertuduh telah mempelawa untuk menumpangkan seorang wanita menuju ke destinasi dengan niat untuk merogol wanita tersebut. Tertuduh mengarahkan wanita tersebut untuk menanggalkan pakaian dan apabila tidak diendah, tertuduh telah bertindak agresif dengan menarik kot wanita itu sehingga terkoyak. Mangsa bertindak dengan membuka pintu kereta yang sedang bergerak dan melompat keluar untuk menyelamatkan diri. Mangsa telah mengalami kecederaan dan tertuduh telah disabitkan kesalahan menyebabkan kecederaan pada tubuh badan. Tertuduh memfailkan rayuan dan berhujah bahawa elemen *actus reus* tidak dipenuhi memandangkan mangsa membuat keputusan sendiri untuk lompat daripada kereta yang sedang bergerak. Mahkamah menolak rayuan tertuduh dan memutuskan bahawa ujian lelaki yang munasabah (*reasonable man test*) perlu dilihat. Melalui ujian ini, persoalan sama ada seseorang yang munasabah akan menjangkakan tindakan tersebut akan diambil oleh

mangsa perlu dijawab. Di dalam kes ini, perbuatan mangsa adalah munasabah walaupun keputusan yang diambilnya adalah drastik. Seseorang yang munasabah akan melakukan apa sahaja untuk menyelamatkan diri dan hanya dengan cara melompat keluar kereta yang sedang bergerak dapat menyelamatkan diri mangsa daripada dirogol oleh tertuduh. Kes ini jelas menunjukkan bahawa elemen *actus reus* boleh juga dipenuhi tanpa perbuatan yang lengkap oleh tertuduh.

Elemen *actus reus* juga dianggap telah dipenuhi apabila perbuatan yang dilakukan oleh tertuduh adalah dengan sengaja (*voluntarily*). Lord Denning di dalam kes *Bratty v Attorney General for Northern Ireland [1963] AC 386* menekankan kepentingan perkara ini dengan menyatakan "...the requirement that it should be a voluntary act is essential ... in every criminal case". Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa sebarang pengaruh yang menyebabkan tertuduh melakukan perbuatan jenayah dianggap tidak memenuhi elemen *actus reus* (Mike, 2003). Sebagai contoh, seorang pemandu yang secara tiba-tiba terkena serangan jantung telah hilang kawalan dan melanggar seorang kanak-kanak di atas jalan raya tidak akan disabitkan kesalahan kerana perbuatan tersebut dilakukan tanpa kerelaan dan tidak disengajakan. Namun, sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini juga, perkara ini bergantung kepada keadaan dan situasi sesuatu kes. Sebagai contoh, sekiranya pemandu tersebut mengetahui bahawa penyakit yang dialaminya adalah kritikal dan mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mengalami serangan ketika memandu tetapi mengambil keputusan untuk tetap memandu di jalan raya, maka ketiadaan elemen *actus reus* adalah diragui (Duncan, 2003). Di dalam kes *R v Quick [1973] QB 910*,

tertuduh merupakan seorang jururawat yang telah disabitkan dengan kesalahan mencederakan seorang pesakit. Tertuduh berhujah bahawa tindakannya itu dilakukan tanpa sengaja dan di luar kawalan memandangkan pada ketika itu Quick berada dalam keadaan *hypoglycaemia* akibat daripada pengambilan insulin yang berlebihan. Mahkamah memutuskan bahawa Quick bersalah memandangkan insulin berlebihan yang diambil oleh Quick adalah keputusannya sendiri. Sekiranya Quick mematuhi preskripsi yang ditetapkan, perkara sedemikian tidak akan berlaku. Seseorang yang mengetahui terdapat kelemahan pada dirinya yang boleh menyebabkan kecederaan kepada orang sekeliling tidak boleh menggunakan alasan tidak sengaja sekiranya tindakan yang diambil telah melanggar praktis yang sepatutnya.

Di dalam kes *Mohd Isa Bin Mohd Nor v Public Prosecutor* [2013] MLJU 570, kepentingan *actus reus* telah dijelaskan apabila hakim Abdul Malik Ishak telah menekankan bahawa *actus reus* perlu dibuktikan walaupun tiada saksi mata (*eye witness*) yang menyaksikan kesalahan jenayah tersebut benar-benar berlaku. Pembuktian *actus reus* ini juga perlu dalam kes-kes yang melibatkan lebih daripada seorang pesalah laku. Seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Mohd Ridzuan Gun bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [2021] MLJU 1692, hujahan salah seorang daripada tertuduh bahawa tiada *actus reus* dibuktikan memandangkan tertuduh hanya bersubahat telah ditolak oleh mahkamah. Apabila tertuduh memenuhi elemen subahat yang telah ditetapkan di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan, elemen *actus reus* telah dipenuhi dan tertuduh didapati bersalah. Begitu juga keputusan yang telah diputuskan di dalam kes *Mahadzir bin*

*Yusof & Anor v Pendakwa Raya* [2010] MLJU 1364 di mana pembuktian *actus reus* bagi penentuan liabiliti jenayah yang dilakukan bersama adalah merujuk kepada seksyen 34 Kanun Keseksaan. Apabila niat bersama telah berjaya dibuktikan melampaui keraguan yang munasabah, walaupun perbuatan jenayah tersebut dilakukan oleh seorang sahaja, kesemua pihak yang telah bersubahat dianggap telah memenuhi elemen *actus reus* dan tanggungan jenayah boleh dikenakan.

Walaubagaimanapun, elemen *actus reus* ini tidak boleh berdiri sendiri. Elemen ini perlu disertai dengan pembuktian wujudnya niat yang jahat ketika kelakuan tersebut dilakukan. Perbincangan seterusnya akan memberi fokus kepada perkara-perkara yang diperlukan untuk membuktikan telah niat jahat disertakan dalam satu kesalahan jenayah.

#### Mens Rea

Elemen seterusnya dalam menentukan liabiliti jenayah terhadap tertuduh ialah elemen *mens rea*. Secara amnya, elemen ini sukar untuk ditentukan memandangkan ianya tidak jelas dan tidak dapat dilihat dengan mata zahir. Niat sebenar hanya diketahui oleh orang yang melakukan perbuatan tersebut namun niat juga boleh dilihat dengan menganalisis perbuatan seseorang terutama sekali apabila kegiatan jenayah dijalankan. Menurut Sullivan, 2007; elemen *mens rea* merujuk kepada niat jahat yang terdapat dalam diri seseorang ketika dia melakukan sesuatu perbuatan. *Mens rea* tidak boleh disamakan dengan tujuan seseorang melakukan jenayah. Tujuan merujuk kepada alasan yang menyebabkan seseorang melakukan sesuatu tindakan yang dipengaruhi oleh sesuatu perkara lain seperti untuk membalas dendam, sakit hati atau cemburu (Shamsuddin, 2019). Antara cara untuk menentukan

adanya niat untuk melakukan kejahatan dapat dilihat dalam beberapa keadaan seperti apabila tindakan jenayah tersebut dilakukan dengan sengaja dan dengan pengetahuan pelaku. Kemudian pelaku juga menyedari segala tindakan yang diambil dan mengetahui akibat yang akan berlaku kesan daripada perbuatannya itu.

Di dalam Kanun Keseksaan, tidak dinyatakan satu definisi yang khusus bagi menentukan apa yang dimaksudkan dengan 'niat'. Kes *Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly & Ors v PP* [2009] 4 MLJ 305 ada menyebutkan bahawa "the word 'intention' is not defined in the Penal Code. It is up to the court to define it". Pernyataan ini menunjukkan bahawa 'niat' boleh ditentukan oleh mahkamah berdasarkan keadaan dan situasi sesuatu kes. Di dalam sebuah kes di India iaitu *Faqira v State* AIR [1955] ALL 321, mahkamah telah mendefinisikan niat sebagai satu keadaan di mana minda yang sedar telah mengambil keputusan untuk melakukan sesuatu perkara ke atas sesuatu perkara yang spesifik dengan mengetahui perbuatan yang akan dikeluarkan serta kesan yang akan berlaku akibat daripada tindakan itu. Hakim di dalam kes *Ram Kumar v State of Rajasthan* [1970] CriLJ 486 secara ringkas telah menjelaskan bahawa niat merujuk kepada satu perbuatan yang disengajakan bertujuan untuk memperolehi sesuatu yang diketahui oleh pelaku. Manakala kes Singapura iaitu *Sim Yew Thong v Ng Loy Nam Thomas and other appeals* [2000] SGHC 186 mengambil pendekatan yang berbeza iaitu dengan mengaitkan niat untuk melakukan sesuatu perkara boleh dibuktikan dengan melihat kepada keadaan dan situasi sekeliling orang yang melakukan tindakan tersebut. Hakim di dalam kes tersebut telah menyatakan bahawa "*intention, being purely an operation of the mind,*

*can only be proved by drawing inferences from the surrounding circumstances and the acts of the person. A person is said to intend the natural consequences of his act...*".

Kes *DPP v Smith* [1961] AC 290 adalah permulaan tentang niat dalam elemen *mens rea* perlu ditentukan secara objektif. Melalui penentuan ini, niat seseorang dalam melakukan perbuatan jenayah akan dilihat melalui ujian orang yang munasabah dan bukan melalui penentuan sama ada tertuduh sedar akan kesan tindakan yang dilakukannya. Di dalam kes ini, Smith merupakan pemandu bagi sebuah kereta yang mengandungi barangan curi. Smith telah diarahkan oleh pegawai polis untuk keluar daripada kereta tetapi akibat panik, Smith telah mengambil keputusan untuk melarikan diri. Smith menekan minyak ketika pegawai polis masih lagi berpaut pada kereta tersebut dan kelajuan kereta tersebut telah menyebabkan pegawai polis tercampak dan dilanggar oleh sebuah kereta yang lain. Pegawai polis tersebut telah meninggal dunia di tempat kejadian. House of Lords telah menggunakan ujian lelaki yang munasabah dalam menentukan sama ada elemen *mens rea* telah dipenuhi oleh Smith. Mahkamah berpendapat bahawa niat untuk melakukan kejahatan terhadap seseorang bukanlah sesuatu perkara yang akan dilakukan oleh seorang yang munasabah. Smith telah disabitkan dengan kesalahan membunuh orang. Dua elemen yang menunjukkan adanya niat di dalam kes ini adalah apabila seseorang mengetahui kesalahan jenayah yang akan dilakukannya dan mengetahui kesan daripada perbuatan itu akan menyebabkan kecederaan atau kematian.

Selain itu, dalam menentukan niat bagi elemen *mens rea*, mahkamah dalam kes *Hyam v DPP* [1975] AC 55

telah mengambil pendekatan untuk melihat kepada pengetahuan atau jangkaan kesan perbuatan tertuduh (*foresight of high probability*). Di dalam kes ini, tertuduh merupakan perempuan simpanan mangsa. Hubungan mereka tidak kekal lama dan menjadi semakin renggang apabila lelaki tersebut telah menjalankan hubungan lain dengan seorang perempuan bernama Mrs Booth. Akibat cemburu, tertuduh mengambil keputusan untuk membakar kediaman Mrs Booth pada jam 2:30 pagi. Perbuatan tertuduh telah mengakibatkan kematian 2 orang anak Mrs Booth dan tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan membunuh. Tertuduh berhujah bahawa dia tidak mempunyai niat untuk membunuh atau mencederakan anak Mrs Booth dan niat sebenarnya hanyalah untuk menakutkan saingannya itu. House of Lords menolak rayuan tertuduh dan mengatakan bahawa tertuduh sepatutnya menjangkakan bahawa perbuatan membakar rumah Mrs Booth akan mendatangkan kesan buruk yang sangat besar. Kebarangkalian untuk orang berada di dalam kediaman yang terbakar untuk cedera atau terbunuh juga tinggi. Niat yang ditunjukkan oleh tertuduh telah memenuhi elemen *mens rea* kerana tertuduh boleh menjangkakan kematian tersebut. Ujian orang yang munasabah tidak digunakan oleh hakim dalam membuat keputusan ini.

Seterusnya apa yang perlu dilihat juga adalah sama ada motif sesuatu perbuatan juga boleh membentuk elemen *mens rea*. Kebiasannya, motif untuk melakukan sesuatu perkara tidak dikaitkan dengan elemen *mens rea*. Walaupun motif yang diniatkan oleh tertuduh adalah untuk melakukan kebaikan, sekiranya terdapat unsur jenayah maka perbuatan itu akan dianggap sebagai salah dan

memenuhi elemen ini. Dalam kes *R v Hicklin (1868) LR3 QB 360*, tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan memiliki bahan bacaan lucah. Pada ketika itu, memiliki bahan bacaan lucah merupakan satu kesalahan jenayah. Tertuduh berhujah bahawa pemilikan bahan tersebut bukan bertujuan untuk melakukan kesalahan jenayah tetapi untuk mendedahkan kesalahan-kesalahan perbuatan *The Church of Rome* kepada orang awam. Hakim Cockburn menolak hujahan bahawa motif tindakan tertuduh adalah untuk menegaskan kebenaran. Mahkamah berpendapat bahawa motif tersebut tidak menyangkal kebarangkalian bagi tertuduh untuk mempunyai niat jahat ketika bahan bacaan tersebut berada dalam pemilikannya. Dalam kes *Chandler v D.P.P. [1964] AC 763*, perayu-perayu merupakan satu kumpulan gerakan yang berkempen untuk pelucutan senjata. Disebabkan itu, mereka telah dihalang daripada memasuki kawasan Wethersfield di mana perancangan awal telah dijalankan untuk menjalankan protes dan menghalang kapal terbang daripada berlepas di sana. Mereka telah disabitkan bersalah kerana menceroboh ke kawasan larangan. Perayu-perayu berhujah bahawa motif mereka menceroboh ke kawasan tersebut adalah untuk kebaikan orang awam namun Lord Ratcliffe menolak hujahan tersebut. Motif tindakan perayu tidak menutup niat mereka untuk melakukan pencerobohan ke atas kawasan larangan. Dalam kes *Mohd Ridzuan Gun Bin Abdullah & Anor v Pendakwa Raya [2021] MLJU 1692*, Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa motif boleh diambil kira sebagai bukti sokongan bagi membuktikan kewujudan elemen *mens rea* dalam kesalahan jenayah, khususnya apabila melibatkan konspirasi dan rompakan bersenjata. Dalam kes ini, kedua-dua

perayu didakwa telah bertindak secara bersama untuk merancang dan melaksanakan rompakan, dan tindakan mereka sebelum, semasa, dan selepas kejadian menunjukkan adanya perancangan rapi dan kesepakatan yang disengajakan. Walaupun motif bukan elemen wajib dalam sabitan jenayah, mahkamah berpendapat bahawa ia boleh digunakan sebagai bukti tak langsung yang menyokong inferens niat jahat tertuduh. Mahkamah juga menolak hujahan pembelaan mengenai keraguan munasabah kerana bukti menunjukkan adanya niat bersama yang jelas, penggunaan senjata, serta pembahagian peranan antara kedua-dua perayu. Kes ini mengukuhkan prinsip bahawa elemen *mens rea* boleh dibuktikan melalui gabungan tindakan dan motif, tanpa memerlukan pengakuan eksplisit niat oleh tertuduh.

Apabila seseorang telah dituduh melakukan satu kesalahan jenayah, terdapat beberapa hujahan yang boleh digunakan oleh tertuduh untuk menyangkal dakwaan bahawa adanya niat untuk melakukan kesalahan jenayah. Kanun Keseksaan telah menyenaraikan 9 perkara yang boleh menyebabkan elemen *mens rea* tidak dipenuhi. Kesemua sembilan perkara ini adalah dalihan yang akan membuktikan bahawa satu perbuatan jenayah yang dilakukan oleh tertuduh adalah disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran dan bukan dengan kerelaan dirinya. Sebagai contoh, dalihan khilaf sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 76 hingga seksyen 79 Kanun Keseksaan. Dalihan ini memberi peluang untuk tertuduh membela diri kerana perbuatan jenayah yang dilakukannya adalah berpunca daripada satu silap faham.

Selain itu, seksyen 94 Kanun Keseksaan memberi pengecualian terhadap perbuatan yang menyebabkan seseorang itu terpaksa untuk melakukan

jenayah oleh kerana ugutan yang diterimanya. Pengecualian ini adalah diberikan kerana tertuduh tidak memenuhi unsur niat jahat dan tidak melakukan perbuatan tersebut dengan suci hati dan tanpa kerelaannya. Pengecualian ini juga berdasarkan maksim undang-undang iaitu "*actus me invito (factus) non est mens rea*" yang bermaksud satu perbuatan yang dilakukan bertentangan dengan kehendak tertuduh melepaskannya daripada tanggungjawab. Terdapat beberapa elemen bagi membolehkan dalihan paksaan digunakan. Paksaan yang dikenakan terhadap tertuduh perlu disertai dengan ancaman atau ugutan dan tertuduh tidak mempunyai apa-apa peluang dan ruang untuk lari daripada keadaan tersebut dan membuat pilihan selain daripada mengikut sahaja perintah paksaan tersebut seperti mana yang diterangkan di dalam kes *Subramaniam v PP (1956) MLJ 220*. Tambahan juga, paksaan yang dikenakan terhadap tertuduh perlu diiringi dengan ketakutan munasabah dan akan menyebabkan kematian serta-merta sekiranya arahan itu tidak dipenuhi. Perkara ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Tan Seng Ann v PP (1949) 1 MLJ 87*.

#### Tanggungan jenayah korporat di Malaysia

Di Malaysia, konsep entiti berasingan bagi syarikat yang telah dinyatakan di dalam kes *Salomon v Salomon & Co [1897]* juga telah disokong seperti yang telah termaktub di bawah seksyen 20 Akta Syarikat Malaysia 2016.

Seksyen 20 Akta Syarikat 2016 telah memperuntukkan bahawa: sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan dan hendaklah  
(a) mempunyai keperibadian

undang-undang yang berasingan daripada keperibadian anggotanya; dan (b) terus wujud sehingga syarikat itu dikeluarkan daripada daftar.

Mempunyai keperibadian tersendiri ini juga menunjukkan bahawa syarikat boleh bertanggungjawab atas kesalahan yang diambil olehnya sama ada dari sudut sivil atau jenayah. Namun, tidak disangkal juga terdapat kesukaran dalam pengaplikasian tanggungan jenayah korporat memandangkan undang-undang jenayah di Malaysia memperuntukkan elemen *mens rea* dan *actus reus* untuk dipenuhi bagi membolehkan liabiliti dikenakan. Sudah pasti elemen yang paling sukar untuk dipenuhi adalah elemen yang melibatkan niat memandangkan badan korporat bukanlah satu entiti yang boleh dilihat dengan mata zahir. Kebiasannya tindakan atau arahan yang diberikan oleh lembaga pengarah ataupun pengurus yang akan dianggap sebagai mewakili “minda” satu badan korporat (Hasani, 2017).

Kedudukan asal bagi tanggungan jenayah korporat dapat dilihat melalui penghakiman kes *Yue Sang Cheong [1973]* di mana mahkamah ada menjelaskan bahawa:

Sebuah syarikat tidak boleh melakukan apa-apa kesalahan jenayah dengan sifat mereka, hanya boleh dilakukan oleh orang biasa (seperti bigami) atau orang-orang yang tidak boleh diwakili (seperti sumpah palsu). Sebuah syarikat tidak boleh didakwa bagi jenayah yang hukumannya hanya hukuman mati atau penjara. Selain daripada apa-apa kecualian, sebuah syarikat boleh

melakukan kedua-dua kesalahan di bawah undang-undang berkanun dan common law, walaupun yang kedua melibatkan *mens rea*. Syarikat itu hanya boleh melakukan jenayah oleh ejen-ejen, yang mana mereka perlu bertanggungjawab bagi jenayah itu, dan ia adalah satu soalan dalam setiap kes sama ada tindakan ejen itu, termasuk keadaan akal fikirannya, adalah tindakan syarikat itu.

Penghakiman kes ini meletakkan bahawa syarikat sememangnya boleh dikenakan liabiliti bagi kesalahan jenayah yang dilakukan. Namun kesalahan yang dimaksudkan hanya merangkumi jenayah yang dilakukan oleh ejen-ejen yang dibuktikan sebagai mewakili tindakan bagi syarikat tersebut. Selain itu, mahkamah ada juga merujuk kepada ‘prinsip identifikasi’ yang menggunakan teori “minda mengarah” untuk menentukan liabiliti. Teori minda mengarah ini ditentukan dalam kes *Tesco v Nattrass [1971]* UKHL 1 ia dianggap sebagai satu kaedah yang lebih komprehensif dan konsisten. Teori ini meletakkan pembuktian *mens rea* akan bergantung kepada kerosakan sebenar yang telah disebabkan oleh ejen daripada satu badan korporat. Perkara ini juga akan disokong oleh maklumat yang telah cukup untuk mewujudkan personaliti korporat itu yang menyebabkan elemen *mens rea* dipenuhi. Disebabkan kes-kes yang melibatkan tanggungan jenayah korporat di Malaysia adalah sedikit, timbul beberapa persoalan sama ada personaliti korporat tertentu sesuai didakwa sebagai tertuduh atau sama ada personaliti korporat boleh melakukan kesalahan tanpa niat jenayah (Mohd Ali, 2017).

Di dalam kes *Yue Sang Cheong v Pendakwa Raya* [1973] 2 MLJ 77, pertuduhan telah dikenakan terhadap personaliti korporat di bawah seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 iaitu kesalahan memiliki barangan yang telah dilarang di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1969. Antara isu di dalam kes ini adalah sama ada satu personaliti korporat boleh diputuskan bersalah atas satu kesalahan jenayah tanpa ejen-ejen atau pegawai syarikat memenuhi elemen *mens rea*. Isu seterusnya adalah sama ada pengetahuan ejen atau pegawai dalam melakukan kesalahan itu dikaitkan sebagai satu personaliti korporat. Mahkamah memutuskan bahawa tertuduh yang dikatakan membawa personaliti korporat adalah tidak bersalah. Hal ini adalah kerana perkataan “sedar” di dalam peruntuk seksyen 135(1)(d) memerlukan elemen *mens rea* dibuktikan tanpa disangkal untuk menjadikan tertuduh bersalah. Seterusnya, menurut penghakiman yang telah dinyatakan oleh Lord Denman CJ dalam kes *Great North England Railway Co (1846) EngR 803*, skop kesalahan yang melibatkan pengkhianatan, feloni, sumpah palsu serta jenayah yang melibatkan keganasan peribadi, rusuhan dan serangan tidak sepatutnya dikenakan terhadap personaliti korporat. Hal ini kerana kesalahan-kesalahan ini melibatkan “sifat yang datang daripada minda yang korup oleh manusia yang melakukan perbuatan itu, dan merupakan pelanggaran kewajiban sosial ke atas orang awam”. Oleh itu, kesalahan-kesalahan yang disebutkan merujuk kepada kesalahan yang hanya boleh dilakukan dengan niat seorang individu yang bertujuan untuk mendatangkan masalah dan kekacauan terhadap masyarakat dan sifat ini tidak wujud pada satu personaliti korporat. Perkara ini menunjukkan bahawa masih

terdapat kekangan dan limitasi dalam meletakkan tanggungan jenayah korporat di Malaysia.

Kesimpulannya, tanggungan jenayah bagi seorang pelaku akan ditentukan melalui elemen *actus reus* dan *mens rea*. Kedua-dua elemen ini perlu dipenuhi sekali dan kegagalan untuk pihak pendakwaan membuktikan bahawa elemen ini dipenuhi boleh mengakibatkan tertuduh dilepaskan. Walau bagaimanapun, skop bagi tanggungan jenayah yang dibincangkan melalui bab ini adalah berkenaan dengan liabiliti jenayah yang dijalankan oleh seorang manusia. Hal ini juga kerana peruntukan-peruntukan yang telah dinyatakan di dalam Kanun Keseksaan juga merujuk kepada “orang” sebagai individu ataupun “orang” sebagai satu kumpulan orang yang sama. Perbincangan seterusnya akan memberikan fokus yang lebih kepada tanggungan jenayah yang boleh dikenakan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh AI dan sama ada peruntukan sedia ada bersedia untuk meletakkan liabiliti ke atasnya.

#### Tanggungan Jenayah Korporat di Luar Negara

Searus dengan perkembangan pesat teknologi, kini lebih banyak syarikat yang melibatkan diri dalam menghasilkan produk-produk berteknologi tinggi bagi menggalakkan ekonomi. Lanjutan daripada perkembangan ini, berlaku juga pelbagai kegiatan jenayah dengan menggunakan nama syarikat. Oleh hal yang demikian, perubahan terhadap undang-undang yang mengawal selia kegiatan syarikat perlu bergerak selari dengan perkembangan ekonomi. Sebagai contoh, kawalan yang ketat perlu sentiasa dikenakan terhadap syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan yang mempunyai

kecenderungan untuk melakukan perbuatan jenayah seperti pembekal bahan-bahan bersenjata.

Seperti yang telah diputuskan dalam kes *Salomon v Salomon [1897] AC 22*, satu perbadanan syarikat dianggap sebagai satu entiti (*legal entity*) yang perlu dibezakan dengan ahli-ahli dalam syarikat tersebut. Hal ini bermaksud syarikat dikenali sebagai satu individu yang khusus di bawah perundangan dan sebagai satu entiti, syarikat boleh menyaman dan disaman oleh individu atau perbadanan lain. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya kesukaran dalam meletakkan tanggungan jenayah ke atas syarikat yang bukan merupakan entiti yang boleh dilihat dan dinilai dengan mata kasar. Undang-undang jenayah yang digubal hanya membolehkan untuk hukuman dan denda diberikan kepada individu-individu maka perkara ini menjadi halangan utama dalam meletakkan tanggungan jenayah ke atas syarikat-syarikat. Elemen *mens rea* dan *actus reus* yang diguna pakai untuk menentukan sama ada seseorang individu bertanggung ke atas kesalahan jenayah yang dilakukan sukar untuk diaplikasikan dalam pembuktian tanggungan jenayah sebuah syarikat (J.Gobert, 2003). Terutama sekali dalam penentuan elemen *mens rea* yang memerlukan elemen niat dipenuhi tanpa sebarang keraguan. Perbincangan di dalam bab ini akan fokus kepada tanggungan jenayah korporat yang diaplikasikan di negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Canada, Australia, Perancis dan Jepun. Bagi penentuan tanggungan jenayah, negara-negara ini juga menggunakan prinsip yang sama iaitu dengan melihat kepada kewujudan niat dan tindakan pesalah laku. Amerika Syarikat juga mementingkan niat kerana seseorang yang melakukan kesalahan jenayah tanpa sengaja,

liabiliti tidak akan dikenakan (Deborah, 2014). Tumpuan diberikan kepada negara-negara ini memandangkan tanggungan jenayah korporat telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan lebih awal lagi.

## TANGGUNGAN JENAYAH KORPORAT

### United Kingdom

England merupakan antara negara *common law* terawal yang mula meletakkan tanggungan jenayah ke atas badan korporat. Walaupun terdapat kesukaran, mahkamah di England dalam memutuskan keputusan kes *Birmingham & Gloucester Railway Co (1842) 114 ER 492* telah meletakkan tanggungan jenayah ke atas syarikat dengan mengenakan denda atas kesalahan tidak memenuhi tanggungjawab statutori. Kesukaran dalam meletakkan tanggungan terhadap satu syarikat berlaku atas beberapa sebab antaranya kerana syarikat bukan merupakan satu entiti yang fizikal. Menurut doktrin *ultra vires* di bawah undang-undang syarikat, satu perbadanan hanya boleh bertindak mengikut apa yang telah diperuntukkan di dalam perlembagaan syarikat. Perbuatan yang melanggar mana-mana peruntukan yang telah dipersetujui di dalam perlembagaan syarikat adalah tidak dibenarkan. Selain itu, kesukaran dalam meletakkan tanggungan jenayah ke atas korporat juga melibatkan keraguan dalam elemen *mens rea* di mana niat perlu dibuktikan. Badan korporat juga tidak mampu untuk hadirkan diri ke mahkamah dengan sendiri memandangkan ianya bukan merupakan satu entiti yang boleh dilihat dengan mata kasar. Tambahan pula, terdapat kesukaran dalam menentukan hukuman ke atas korporat memandangkan hukuman dan denda

dalam undang-undang jenayah yang dibentuk lebih sesuai untuk menghukum individu yang melakukan kesalahan. Maka, antara usaha awal dalam meletakkan hukuman ini juga melibatkan undang-undang tort dengan menggunakan *doktrin respondeat superior* atau kaedah tanggungan beralih (*vicarious liability*) yang meletakkan tanggungjawab ke atas majikan apabila berlakunya kecuaiian atau kesalahan dilakukan oleh pekerja. Maka, kajian untuk membolehkan syarikat yang terlibat dalam pengendalian sistem AI sebagai bertanggung kesalahan jenayah yang dilakukan teknologi tersebut wajar dilakukan (Baker, 2012).

Di United Kingdom, walaupun terdapat keputusan mahkamah yang telah meletakkan tanggungan jenayah ke atas korporat pada tahun 1842, hakikatnya masih tiada lagi garis panduan secara spesifik yang boleh menentukan sama ada tanggungan jenayah boleh dikenakan ke atas badan korporat atau tidak. Menurut Wagner, 2000 entiti korporat hanya boleh dikenakan tanggungan terhadap jenayah-jenayah yang tidak melibatkan pembuktian *mens rea* seperti gangguan awam, fitnah dan perbuatan menghina mahkamah (*contempt of court*) dan kesalahan tanggungan keras (*strict liability*). Perkara utama yang perlu diatasi adalah halangan dalam mengenakan elemen *mens rea* terhadap satu badan korporat. *House of Lords* di dalam kes yang melibatkan syarikat *Lennard's Carrying Co Ltd* telah meletakkan beberapa panduan yang boleh meletakkan kesalahan terhadap syarikat dengan menggunakan prinsip '*directing mind*' yang menunjukkan terdapat hubungan yang rapat antara syarikat dengan kesalahan yang dilakukan. Konsep ini juga telah digunapakai di dalam kes *Tesco Supermarkets*

*v Natrass [1972] UKHL 1* tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang berjawatan tinggi seperti pengarah adalah dianggap sebagai tindakan dan niat satu syarikat. Prinsip ini menunjukkan niat dan tindakan pegawai senior secara terus dianggap sebagai tindakan dan niat syarikat yang membolehkan badan korporat tersebut bertanggung. Prinsip '*directing mind*' ini membolehkan tanggungan jenayah diletakkan ke atas syarikat dan bukan menggunakan kaedah tanggungan beralih (*vicarious liability*). Sekiranya prinsip ini yang digunapakai, unsur yang kemungkinan boleh digunakan adalah dengan melihat kepada pihak yang mempunyai hubungan paling dekat dengan sistem AI yang digunakan. Perkara ini akan menyebabkan orang yang menggunakan mesin AI tersebut yang akan bertanggungjawab dan bukan syarikat pengeluar kerana tidak memenuhi elemen dalam prinsip ini.

#### Amerika Syarikat

Seterusnya, tanggungan jenayah korporat di Amerika Syarikat pula hakikatnya telah bermula pada awal perkembangan revolusi industri. Pada asalnya mahkamah di Amerika Syarikat juga bergerak selari dengan prinsip yang ditentukan oleh mahkamah United Kingdom dalam menentukan tanggungan jenayah korporat. Pada tahun 1903, Akta Elkins (*Elkins Act*) telah diluluskan oleh kongres di mana akta baru ini memperuntukkan bahawa tindakan dan halangan yang dilakukan oleh seorang pegawai ketika melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan oleh syarikat akan dianggap sebagai tindakan atau halangan syarikat tersebut. Perincian akta ini menunjukkan bahawa mahkamah di Amerika Syarikat juga pada asalnya menggunakan konsep

tanggung beralih (*vicarious liability*) untuk membolehkan syarikat bertanggung. Dalam kes *New York Central & Hudson River Railroad Company v US* (1909) 212 US 481, Mahkamah Persekutuan Amerika Syarikat telah mengembangkan konsep tanggung jenayah korporat untuk melibatkan kesalahan-kesalahan jenayah yang memerlukan elemen *mens rea* dibuktikan. Tanggung jenayah korporat juga telah diputuskan dalam kes *US v Basic Construction Co* (1983) 711 F.2d 570, mahkamah telah menyatakan bahawa satu badan korporat boleh dipertanggungjawabkan atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pekerja sekiranya tindakan tersebut dilaksanakan di bawah skop autoriti yang telah diberikan. Tindakan ini melibatkan perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada syarikat walaupun tindakan tersebut melanggar polisi yang ditetapkan di dalam perlembagaan syarikat. Secara amnya, tanggung jenayah korporat yang digunapakai oleh mahkamah di Amerika Syarikat adalah dengan menggunakan konsep tanggung beralih (*vicarious liability*) dan bukan menggunakan prinsip '*directing mind*' seperti di United Kingdom. Cara yang digunakan di Amerika Syarikat ini berkemungkinan masih akan menyebabkan ketidakadilan berlaku memandangkan syarikat yang mengeluarkan mesin AI tidak semestinya syarikat yang menggunakannya (Nora, 2020).

#### Kanada

Di Kanada pula, prinsip '*directing mind*' yang diamalkan di England digunakan dalam sesebuah perbadanan itu sendiri. Di dalam kes *R v Canadian Dredge & Dock Co* [1985] 1 SCR 662, antara isu rayuan yang diketengahkan adalah sama ada timbulnya tanggung

jenayah korporat apabila '*directing mind*' (merujuk kepada pekerja) telah bertindak secara frod terhadap badan korporat untuk kepentingan peribadi dan melanggar arahan untuk tidak melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang. Perayu yang terdiri daripada 4 syarikat membawa kes ini ke Mahkamah Persekutuan untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan Ontario bahawa badan korporat tersebut adalah bertanggung bagi kesalahan jenayah yang telah dilakukan. Mahkamah Persekutuan Kanada telah bersetuju dengan keputusan yang telah dikeluarkan oleh mahkamah rayuan dan memutuskan bahawa teori identifikasi (*identification theory*) perlu diaplikasikan dalam menentukan sama ada satu badan korporat adalah bertanggung atau tidak bagi satu kesalahan jenayah. Teori ini, sepertimana prinsip '*directing mind*' meletakkan identiti syarikat dan tindakan pekerja dalam syarikat sebagai sehaluan. Sekiranya seorang pegawai dalam satu perbadanan melakukan kesalahan jenayah dalam skop tanggungjawab yang telah diperuntukkan oleh syarikat untuk manfaat dan kepentingan perbadanan maka syarikat tersebut juga adalah bertanggung bagi jenayah yang dilakukan. Faktor utama dalam menentukan siapa di dalam syarikat merupakan '*directing mind*' adalah dengan menentukan autoriti yang diberikan kepada pekerja untuk membuat keputusan bagi perkara-perkara yang melibatkan polisi yang terdapat di dalam perlembagaan syarikat. Perkembangan terkini pula dapat dilihat dalam kes *R v Pate Estate* [2019] ONCA 667, di mana mahkamah menekankan bahawa liabiliti boleh timbul bukan sahaja melalui tindakan aktif pengarah atau pegawai, tetapi juga apabila wujud unsur kecuaiian atau *willful blindness* terhadap jenayah yang

berlaku dalam struktur organisasi. Ini menunjukkan bahawa pendekatan mahkamah Kanada terhadap liabiliti korporat kini semakin merangkumi tanggungjawab tadbir urus dan bukan sekadar tindakan individu yang mempunyai kuasa rasmi.

#### Australia

Manakala di Australia pula, konsep tanggungan beralih telah digunapakai dalam penentuan tanggungan jenayah korporat. Namun, pada tahun 1995 kerajaan Australia telah mengambil inisiatif baharu dengan meletakkan tanggungan jenayah korporat menggunakan ujian budaya korporat (*corporate culture*). Seksyen 12.3(6) Criminal Code Act 1995 Australia mendefinisikan budaya korporat sebagai kelakuan, polisi, peraturan, proses pengoperasian atau amalan yang wujud di dalam satu perbadanan korporat secara am atau sebahagian daripada perbadanan tersebut yang melibatkan aktiviti yang relevan. Ujian budaya korporat ini dilihat lebih jelas dan realistik untuk digunakan dalam menentukan liabiliti terhadap AI berbanding daripada teori identifikasi yang diamalkan di Canada memandangkan terdapat peruntukan yang menjelaskan berkenaan cara untuk meletakkan tanggungan jenayah korporat. Melalui ujian ini, antara faktor yang menentukan tanggungan jenayah korporat adalah seperti yang telah ditetapkan di dalam seksyen 12.3(2) Criminal Code Act 1995 Australia. Melalui peruntukan ini, perkara penting yang perlu diketengahkan adalah pengetahuan dan niat lembaga pengarah syarikat memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada syarikat tersebut mempunyai niat untuk melakukan kesalahan jenayah yang memenuhi elemen *mens rea*.

#### Perancis

Seterusnya, negara Perancis merupakan antara negara yang menolak untuk meletakkan tanggungan jenayah dikenakan terhadap badan korporat. Namun, terdapat perubahan pendekatan pada tahun 1992 di mana pindaan bagi seksyen 121-2 Code Pénal of 1992 Perancis telah secara spesifik membuka ruang bagi tanggungan jenayah korporat di negara tersebut (Marcus, 1999). Pindaan ini juga dilakukan kerana galakan daripada Majlis Perlembagaan Perancis (French Constitutional Council) pada tahun 1982 bahawa Perlembagaan Perancis tiada halangan untuk mengenakan denda terhadap badan-badan korporat. Pada peringkat awal pindaan ini masih terdapat halangan untuk mengaplikasikannya memandangkan peruntukan tersebut terikat dengan keperluan bahawa setiap jenis kesalahan jenayah yang boleh ditanggung badan korporat perlu disebut secara spesifik. Prinsip '*directing mind*' yang diamalkan di Perancis telah menyebabkan limitasi terhadap penggunaan tanggungan jenayah korporat di negara tersebut. Namun, kes terkini Mahkamah Kasasi Perancis (Cour de cassation) pada 22 Mei 2024 (Kes no. 23-83.180) menunjukkan perubahan penting dalam landskap liabiliti korporat apabila mahkamah memutuskan bahawa liabiliti jenayah sesebuah syarikat boleh dipindahkan kepada syarikat pengambil alih dalam kes penggabungan syarikat (*fusion-absorption*), walaupun kesalahan dilakukan sebelum penggabungan berlaku. Keputusan ini memperkukuh prinsip bahawa entiti korporat tidak boleh melepaskan diri daripada tanggungjawab jenayah melalui struktur korporat dan meletakkan tanggungjawab lebih besar terhadap syarikat untuk memastikan

kepatuhan menyeluruh dalam semua proses peralihan korporat (Cour de cassation, 2024).

## Jepun

Berbeza dengan negara Perancis, tanggungan jenayah korporat di negara Jepun merupakan satu komponen yang penting di dalam undang-undang jenayah. Terdapat lebih daripada 700 peruntukan dalam undang-undang jenayah negara yang membolehkan entiti selain individu untuk dikenakan liabiliti jenayah (Ito, 1999). Ito juga menyatakan bahawa Mahkamah Persekutuan Jepun (Japanese Supreme Court) telah memutuskan bahawa badan-badan korporat perlu mengeluarkan polisi dan membentuk satu sistem syarikat yang menghalang pekerja-pekerja untuk melakukan kesalahan jenayah ketika menjalankan tugas. Sekiranya polisi sedemikian tidak diusahakan, mahkamah tidak akan berkira untuk meletakkan badan korporat sebagai bertanggung untuk kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pekerja. Mahkamah di Jepun juga menggunakan pendekatan prinsip '*directing mind*' untuk meletakkan tanggungjawab terhadap badan-badan korporat. Kes "Big Motor" menonjolkan risiko liabiliti jenayah apabila pekerja melakukan penipuan tuntutan insurans secara sistematik, dan kegagalan polisi atau pemantauan membawa kepada tindakan Financial Services Agency terhadap korporat itu (Nagata, 2023; Kyodo News, 2023).

## MODEL TANGGUNGAN JENAYAH KORPORAT

Terdapat beberapa model yang digunakan bagi menentukan tanggungan jenayah korporat. Pertama sekali adalah dengan menggunakan

doktrin identifikasi (*identification doctrine*). Menurut Law Commission United Kingdom, doktrin identifikasi ini merujuk kepada satu prinsip yang memberi maksud bahawa orang yang mempunyai autoriti untuk menguruskan hal ehwal satu syarikat adalah dianggap sebagai merangkumi dan mewakili syarikat itu sendiri. Doktrin ini merupakan prinsip utama digunakan di bawah *common law* yang berasal daripada kes *Lennard's Carrying Co Ltd v Asiatic Petroleum Co. Ltd* [1915] AC 705 untuk menentukan tanggungan jenayah korporat. Perkembangan doktrin ini telah berlaku sehingga tahun 1940 dan dipindah masukkan ke dalam undang-undang sivil serta digunakan dalam kes yang melibatkan kesalahan jenayah seperti *Director of Public Prosecutions v Kent and Sussex Contractors Ltd* [1944] 1 All ER 119.

Seterusnya, doktrin ini juga digunapakai dalam kes yang telah disebutkan iaitu kes *Tesco v Natrass* [1972] UKHL 1 di mana isu yang dibawa ke House of Lords adalah untuk menentukan sama ada satu tindakan seseorang yang bertugas sebagai pengurus kedai boleh dianggap sebagai tindakan syarikat dan bukan wakil syarikat. Lord Reid telah menggunakan doktrin identifikasi dan memutuskan "*the person who acts is not speaking or acting for the company. He is acting as the company and his mind which directs his acts is the mind of the company*". Hakim tersebut berpendapat bahawa pengurus kedai tersebut tidak boleh dianggap sebagai minda pengawal (*controlling mind*) bagi urusan syarikat tersebut. Pengkelasan bagi individu yang boleh dianggap sebagai syarikat juga telah disebutkan dan melibatkan kumpulan pegawai-pegawai atasan seperti pengarah dan pengurus yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan bagi pihak syarikat.

Walaupun doktrin ini telah

banyak digunakan di bawah common law, terdapat beberapa permasalahan yang timbul dan perlu ditambah baik untuk menjadikannya sesuai digunakan bagi menentukan liabiliti AI. Pertama sekali adalah melibatkan masalah-masalah yang timbul dalam pembuktian untuk menentukan kesalahan tertuduh. Konsep identifikasi ini hanya mampu untuk meletakkan keadilan dalam membuktikan pihak yang bersalah bagi syarikat-syarikat yang kecil sahaja. Sebagai contoh, *kes R v OLL Ltd & Kite [1996]* di mana syarikat dan pengarah pengurusan syarikat telah didapati bersalah membunuh empat remaja. Hakim Ornnall menyatakan bahawa pengarah pengurusan syarikat serta syarikatnya adalah satu identiti yang sama. Perkaitan antara pengarah pengurusan dan syarikat itu lebih mudah untuk dilihat memandangkan pengarah juga terlibat dalam kerja-kerja menguruskan syarikat tersebut. Namun, bagi syarikat-syarikat yang mempunyai kapasiti pekerja yang besar, doktrin identifikasi dilihat lebih sukar untuk dibuktikan. Semakin besar saiz dan kapasiti satu syarikat, semakin rendah keberkesanan doktrin identifikasi (Hsaio, 2009). Di dalam kes *P&O European Ferries (Dover) Ltd (1991) 93 CAR 72*, elemen *mens rea* menggunakan doktrin identifikasi tidak dapat dibuktikan kerana syarikat yang menyebabkan kematian 192 orang merupakan satu syarikat yang besar. Pihak pendakwaan meletakkan liabiliti ke atas syarikat dengan meletakkan tuduhan ke atas mereka yang berjawatan tinggi seperti pengarah serta mereka yang berjawatan rendah seperti pegawai biasa. Elemen *mens rea* tidak berjaya dibuktikan akibat daripada bilangan tertuduh yang sangat banyak. Memandangkan tiada penjelasan yang terperinci bagi elemen niat yang penting dalam penentuan liabiliti, doktrin identifikasi ini berkemungkinan tidak

sesuai untuk digunakan.

Seterusnya, model kedua yang juga digunakan di United Kingdom dikenali sebagai ujian pengurus senior (*senior management test*). Kerajaan United Kingdom mengambil berat berkenaan kesukaran yang dihadapi untuk menggunakan doktrin identifikasi dan telah mengusahakan untuk membentuk satu enakmen yang dikenali sebagai Corporate Manslaughter and Corporate Homicide Act 2007. Dengan kewujudan akta ini, bagi kes-kes yang melibatkan pembunuhan akibat kecuai syarikat, doktrin identifikasi tidak lagi boleh digunakan. Kerajaan UK telah melakukan pembaharuan dengan mengeluarkan peruntukan baharu yang menjelaskan secara spesifik kesalahan pembunuhan yang hanya boleh dilakukan oleh satu organisasi dan bukan individu (D. Ormerod & R. Taylor, 2008). Seksyen 1(1) Corporate Manslaughter and Corporate Homicide Act 2007 memperuntukkan elemen-elemen yang membentuk kesalahan jenayah apabila sebuah organisasi telah didapati terlibat dalam aktiviti yang menyebabkan kematian orang lain. Kesalahan ini juga boleh dibuktikan apabila organisasi tersebut didapati telah melanggar tanggungjawab (*duty of care*) yang ada pada dirinya terhadap si mati.

Seperti nama yang diberikan juga, peruntukan di dalam kes ini meletakkan tanggungan jenayah korporat ke atas pengurus-pengurus berpangkat senior. Seksyen 1(3) memperuntukkan bahawa:

*“an organisation is guilty of an offence under this section only if the way in which its activities are managed or organised by its senior management is a substantial element in the breach referred to in subsection (1)”.*

Pembaharuan ini meletakkan tanggungan jenayah korporat ke arah yang lebih baik memandangkan pengaplikasiannya boleh digunakan kepada semua jenis badan korporat tidak kira sama ada kecil atau besar. Akta ini lebih berfokus kepada kesalahan-kesalahan yang timbul akibat daripada kegagalan menguruskan syarikat dengan baik berbanding kepada keperibadian ahli-ahli syarikat seperti yang digunakan oleh doktrin identifikasi. Dengan cara ini juga ia dapat mengelakkan daripada syarikat-syarikat mengambil kesempatan untuk melarikan diri daripada bertanggung bagi kesalahan yang telah dilakukan kerana liabiliti akan dikenakan terhadap syarikat berbanding individu. Perkara ini membuka ruang untuk meletakkan tanggungan ke atas syarikat pengeluar mesin AI yang telah didapati cuai dalam pengendalian teknologi tersebut (Ben & Russel, 2019).

Akhir sekali, model tanggungan jenayah yang ketiga adalah doktrin *aggregation* yang menggabungkan elemen *mens rea* dan *actus reus* pekerja-pekerja dalam syarikat yang terlibat untuk menentukan secara kolektif sama ada ianya akan menyebabkan kesalahan jenayah berlaku sama seperti apa yang akan dilakukan oleh seorang individu (Clarkson, 1998). Secara amnya, doktrin ini akan membandingkan kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh badan korporat dengan kesalahan jenayah yang mampu untuk dilakukan oleh seorang individu. Maka, satu syarikat boleh dianggap bertanggung walaupun kekurangan bukti yang seorang ejen syarikat mempunyai niat untuk melakukan kesalahan atau mengetahui kewujudan adanya berlaku pengoperasian yang menyalahi undang-undang (Ragozino, 1995). Doktrin

*aggregation* ini digunakan di negara Amerika Syarikat. Sebagai contoh, di dalam kes *United States v Bank of New England (1987)*, di mana defendan telah dituduh melakukan kesalahan di bawah *Currency Transaction Reporting Act*. Apabila diteliti secara individu, kesalahan di bawah akta ini tidak dipenuhi dan elemen *mens rea* tidak dapat dibuktikan. Namun, apabila dilihat secara kolektif, mahkamah mendapati bahawa mereka mempunyai pengetahuan awal bahawa terdapat kegagalan dalam menfailkan laporan. Mahkamah Rayuan (*The Court of Appeal of the First Federal Circuit*) di dalam kes ini telah menerima doktrin *aggregation* dalam menentukan tanggungan jenayah korporat.

Melalui model-model tanggungan jenayah korporat yang telah diperkenalkan, model kedua dan ketiga yang menggunakan ujian pengurus senior dan doktrin *aggregation* dilihat sebagai model yang paling sesuai untuk digunakan. Model yang kedua membolehkan syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan sistem AI tidak terlepas untuk bertanggung andainya dapat dibuktikan terdapat kesilapan dalam pembuatan sistem tersebut. Bagi model yang ketiga pula, memandangkan *mens rea* dan *actus reus* akan dinilai secara kolektif, perkara ini akan membolehkan kedua elemen tersebut lebih mudah untuk dipenuhi. Perbincangan di dalam bab yang sebelum telah menjelaskan bahawa pengasingan pembuktian elemen akan menyebabkan tiada tanggungan boleh dikenakan terhadap AI. Pendekatan awal untuk menentukan liabiliti terhadap AI boleh menggunakan model ini agar pihak yang paling awal terlibat dalam pengendalian sistem AI lebih berhati-hati dan tidak merasakan mereka boleh lepas tangan. Menurut Zach, 2018 pelaksanaan bagi model tanggungan jenayah korporat di bawah

doktrin *aggregation* boleh menyelesaikan persoalan liabiliti yang berlaku hasil daripada kecuaiannya syarikat-syarikat pada peringkat awal memandangkan banyak syarikat yang melepaskan tangan apabila berlakunya kecuaiannya. Kecuaian pada peringkat awal boleh dibuktikan melalui penyiasatan namun akan terdapat kelompangan dalam menentukan liabiliti jenayah menggunakan *actus reus* dan *mens rea*.

Kesimpulannya, tanggungan jenayah bagi korporat boleh ditentukan melalui model-model yang telah diperkenalkan seperti doktrin identifikasi, *senior management test* dan doktrin *aggregation*. Model-model ini meletakkan bahawa syarikat, sebagai satu entiti asing yang diiktiraf oleh undang-undang juga mempunyai liabiliti terhadap kesalahan-kesalahan jenayah yang timbul akibat daripada pengoperasian urusan syarikat terlibat. Walaupun terdapat pembaharuan dan perkembangan dalam penentuan liabiliti melalui model-model ini, pada masa kini asas bagi pembuktian tanggungan jenayah masih perlu lengkap iaitu memenuhi elemen *mens rea* dan *actus reus*. Elemen *mens rea* dan *actus reus* yang dibincangkan juga melibatkan ahli-ahli dalam syarikat yang merupakan manusia. Namun, terdapat kemungkinan bahawa masih terdapat cabaran yang akan dihadapi dalam meletakkan liabiliti ke atas AI walaupun menggunakan model tanggungan jenayah korporat yang telah diperkenalkan.

#### Cabaran bagi Mengawal Selia Undang-Undang dan Liabiliti Jenayah Terhadap AI

Tidak dinafikan terdapat perbincangan yang telah dijalankan untuk mengenal pasti kesesuaian undang-undang di

Malaysia untuk digunakan dalam mengawal selia isu-isu yang melibatkan kecerdasan buatan. Di dalam bidang sains komputer, terdapat satu anggapan bahawa peraturan atau undang-undang yang terlalu ketat akan menyebabkan inovasi disekat (*The Economist*, 2017). Namun perkara ini tidak bermakna tiada peraturan boleh dikenakan terhadap teknologi-teknologi baharu yang dibina kerana sekiranya kebebasan diberikan tanpa sekatan, banyak masalah dalam masyarakat yang akan timbul. Oleh yang demikian, memandangkan lebih banyak teknologi moden sedang digunakan dan akan digunakan pada masa hadapan, terdapat persoalan sama ada undang-undang sedia ada mampu memberi kawalan yang sewajarnya. Sebagai contoh, Kanun Keseksaan Malaysia yang digubal hanya sesuai untuk meletakkan hukuman dan peraturan ke atas manusia ataupun sesuatu syarikat seperti yang telah termaktub di dalam seksyen 11 akta tersebut.

#### CABARAN DAN KEKANGAN YANG AKAN DIHADAPI OLEH UNDANG-UNDANG JENAYAH MALAYSIA

i. Kesukaran mewujudkan personaliti undang-undang ke atas AI  
Kepentingan dalam meletakkan peraturan ke atas robot ataupun kecerdasan buatan membuatkan timbulnya persoalan sama ada satu bidang perundangan yang baharu perlu diperkenalkan. Bidang perundangan yang khusus yang mampu meletakkan peraturan-peraturan terhadap robot atau AI perlu dikaji dan diteliti sebelum keadaan menjadi tidak terkawal. Satu lagi perkara yang perlu dibahaskan adalah sama ada wajar untuk menganggap AI sebagai satu entiti yang mempunyai 'personaliti undang-

undang' atau lebih dikenali lagi sebagai 'legal personality'. Walaubagaimanapun, usaha untuk membentuk satu undang-undang yang baru bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Memandangkan AI telah digunakan dalam banyak aspek kehidupan, polisi atau peraturan yang dibina perlu diberikan fokus secara menyeluruh dan perkara ini tidak boleh dilaksanakan secara melulu tanpa kajian yang menyeluruh. Sebagai contoh, satu aspek yang banyak dibincangkan kini adalah berkenaan perkaitan undang-undang hak cipta bagi karya-karya yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan. Persoalan yang timbul adalah sama ada AI boleh dianggap sebagai tuan kepada hasil karya yang dikeluarkan memandangkan undang-undang hak cipta yang sedia ada tidak menganggap robot ataupun AI sebagai satu entiti undang-undang. Maka, kemungkinan pendekatan yang lebih wajar untuk digunakan dalam mengawal selia AI adalah dengan memfokuskan kepada bidang perundangan secara khusus.

ii. Kedudukan undang-undang tradisional yang sedia ada  
Masalah yang timbul ini juga bukanlah merupakan sesuatu perkara yang baharu. Kedudukan perundangan Malaysia kini sama seperti Eropah yang telah menyatakan bahawa undang-undang tradisional yang sedia ada masih belum bersedia dan belum mampu untuk meletakkan tanggungan terhadap AI (Andallas, 2017). Mereka berpendapat masalah-masalah yang melibatkan AI tidak dapat diputuskan dengan baik kerana terdapat kesukaran dalam menentukan pihak yang paling wajar dipersalahkan dan dihukum. AI merupakan teknologi yang banyak digunakan dalam sistem yang memerlukan data-data yang besar diproses dengan tepat. Teknologi AI

akan mampu membantu manusia untuk menghasilkan data-data yang tepat dalam masa yang singkat tanpa manusia perlu mengarahkan secara terperinci kepada sistem tersebut untuk melakukan perkara sedemikian (Peter, 2017). Undang-Undang Jenayah adalah dicipta bertujuan sebagai satu usaha mengekang ataupun sebagai satu metod pencegahan (*preventive measure*) bagi menghalang apa-apa tindakan yang dilihat akan menyebabkan satu kemalangan atau kecederaan terutama sekali terhadap orang awam. Kebiasaannya peruntukan undang-undang jenayah adalah berlandaskan kepada moraliti satu masyarakat tempatan. Undang-undang jenayah yang melihat kepada niat pesalah laku dalam menentukan liabiliti jenayah yang menyebabkan AI sukar untuk dipertanggungjawabkan atas kesalahannya. Hal ini kerana tiada cara khusus dan tepat yang boleh mengukur niat teknologi AI

Cabaran paling utama yang timbul dalam meletakkan liabiliti terhadap AI di Malaysia adalah kerana peruntukan perundangan yang sedia ada hanya mampu untuk memberikan garis panduan serta hukuman terhadap manusia atau syarikat. Jenis-jenis kesalahan yang telah termaktub di bawah Kanun Keseksaan Malaysia juga adalah berbeza-beza dan bagi membuktikan seseorang itu bersalah, setiap elemen dalam satu kesalahan itu perlu dipenuhi. Malangnya dalam perkara ini AI tidak memenuhi sifat yang ada pada manusia atau syarikat untuk dianggap sebagai satu personaliti undang-undang yang sama. Memandangkan AI mempunyai keupayaan untuk bertindak di luar arahan dan kawalan manusia, ianya tidak adil untuk meletakkan apa-apa tanggungjawab secara terus terhadap pengguna atau syarikat yang mengeluarkan atau menggunakan

teknologi AI tersebut. Perkara ini juga menjadi satu masalah kerana tindakan satu teknologi AI tidak boleh dijangka dengan tepat oleh syarikat pengeluar memandangkan data-data baharu akan ditafsirkan mengikut pengguna yang mengendalikan sistem AI tersebut (Mike, 2016).

Melalui undang-undang tradisional yang diguna pakai kini, asas bagi satu tanggungan jenayah dikenakan terhadap seseorang adalah dengan memenuhi kedua-dua elemen *actus reus* dan juga *mens rea*. Sekiranya kesalahan AI hendak diletakkan ke atas seorang manusia, kedua-dua elemen ini perlu dipenuhi. Memandangkan elemen *mens rea* secara zahirnya sukar untuk dibuktikan oleh teknologi AI memandangkan AI merupakan satu sistem yang tidak mempunyai niat ataupun perasaan, perbincangan akan menfokuskan terhadap elemen *actus reus* dan sama ada AI mampu untuk memenuhi elemen tersebut. Pertama sekali, perkara yang boleh diambil kira adalah dengan menentukan pengguna yang terlibat dalam menghasilkan keputusan yang dikeluarkan oleh AI. Di dalam konteks ini, pengguna boleh dianggap sebagai orang pertama yang telah melancarkan sistem AI dan memberikan arahan kepada AI untuk melakukan tindakan. Pihak kedua yang terlibat adalah dikenali sebagai penyelia ataupun *supervisor* yang mengawal selia kelakuan AI dan mampu untuk juga memberikan arahan terhadap AI untuk menghasilkan satu tindakan. Seterusnya, pihak ketiga yang terlibat dikenali sebagai pengeluar ataupun *producer* yang bertanggungjawab dalam memastikan pengeluaran produksi AI seperti sistem perisian komputer berjalan dengan lancar. Kebiasaannya pengeluar tidak terlibat dalam menentukan sistem AI namun pengeluar akan memahami teknologi di sebalik sistem tersebut (Matilda, 2017).

Persoalan yang perlu dijawab di dalam perkara ini adalah kepada pihak mana atribusi boleh diberikan memandangkan liabiliti jenayah hanya boleh diberikan kepada manusia.

Elemen-elemen bagi *actus reus* boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kelakuan (*behaviour*), keadaan (*circumstances*) dan akibat (*consequences*) (Peter, 2017). Bagi satu tindakan dianggap sebagai satu kesalahan jenayah, perlu dibuktikan terhadap satu kawalan manusia yang mengakibatkan kelakuan itu berlaku. Walaupun melalui konsep ini dilihat liabiliti jenayah AI boleh dengan mudahnya dikenakan terhadap manusia, masalah yang timbul adalah apabila tidak semua tindakan yang dihasilkan oleh AI itu adalah berpunca daripada kawalan atau arahan manusia. Ketika satu jenayah dilakukan oleh AI, bagi memenuhi elemen ini perlu dibuktikan bahawa tindakan yang dikeluarkan adalah kerana arahan dan kawalan penuh oleh manusia. Di dalam undang-undang jenayah di Malaysia sama seperti di banyak negara luar misalnya United Kingdom, elemen *actus reus* juga melibatkan kegagalan untuk melakukan satu perkara atau lebih dikenali sebagai ketinggalan (*omission*) (Andrew, 2016). Sebagai contoh, apabila seorang pemandu yang mengantuk telah memandu dengan cuai dan tidak mematuhi peraturan jalan raya yang sewajarnya sehingga menyebabkan kemalangan berlaku (Dubber & Hornle, 2014). Isu yang timbul adalah berkenaan dengan posisi undang-undang untuk menggunakan ketinggalan bagi perkara yang menggunakan sistem AI seperti kereta tanpa pemandu. Persoalan sama ada seseorang yang menggunakan kereta tanpa pemandu mempunyai tanggungjawab terhadap pejalan kaki di sekitar jalan raya perlu diambil kira. Memandangkan kereta yang dinaiki

bukan dipandu dan dikawal oleh orang itu sendiri, sekiranya ada kemalangan berlaku; adakah wajar penumpang tersebut dianggap telah gagal untuk mematuhi undang-undang jalan raya.

iii. Pembuktian tanggungjawab (duty of care)

Cabaran seterusnya adalah dengan melihat sama ada sistem AI mempunyai satu tanggungjawab (*duty of care*) sama seperti seorang manusia. Sekiranya AI mempunyai satu tanggungjawab yang sama seperti manusia, sejauh mana tanggungjawab ini boleh dikenakan dan keadaan mana yang akan menyebabkan timbulnya tanggungjawab tersebut. Sekiranya tanggungjawab ini dikaitkan dengan hubungan antara manusia dan AI, perkara ini juga dapat disangkal memandangkan tiada hubungan antara AI dan manusia yang boleh dianggap sebagai rapat. Hubungan antara AI dan manusia juga tidak dikaitkan dengan tanggungjawab yang melibatkan perasaan seperti kebajikan dan kasih sayang (*R v Stone and Dobinson, 1977*). Namun, terdapat kemungkinan hubungan ini boleh diwujudkan dengan melihat kepada tahap kawalan pengguna AI. Secara amnya, anggapan boleh diberikan bahawa pengguna atau pengeluar mempunyai tanggungjawab dalam memastikan risiko bagi sistem AI untuk bertindak di luar kawalan adalah rendah (Matilda, 2017). Tanggungjawab ini adalah berasaskan kepada kedudukan defendan dan hanya akan berlaku pada situasi-situasi tertentu (Andrew, 2016). Sebagai contoh, tanggungjawab defendan untuk memenuhi obligasi undang-undang sivil dan undang-undang adat boleh menyebabkan defendan mempunyai hubungan dengan AI dan menyebabkan defendan bertanggungjawab atas tingkah lakunya (Bohlander, 2009).

iv. Pembuktian elemen actus reus

Seterusnya, cabaran yang dapat dilihat dalam meletakkan liabiliti jenayah ke atas AI adalah dalam pembuktian elemen akibat dalam *actus reus*. Secara amnya, elemen ini dipenuhi apabila satu kesalahan jenayah berlaku akibat daripada tindakan yang telah dilakukan oleh defendan. Perlu dibuktikan bahawa tindakan defendan itu yang telah menyebabkan kesan buruk seperti kematian, kemalangan atau kerosakan. Ujian yang digunakan adalah dengan menggunakan ujian tetapi-untuk (*but-for*) di mana sekiranya tindakan defendan itu dikeluarkan daripada kemalangan yang berlaku, adakah perkara yang sama juga akan terjadi. Sekiranya perkara yang sama terjadi, maka defendan tidak dianggap sebagai menyebabkan kesalahan jenayah itu berlaku. Namun, terdapat persoalan sama ada ujian yang sama boleh digunakan dalam menentukan liabiliti jenayah ke atas AI. Sebab kepada sesuatu tindakan (*causation*) mesti relevan dan berkaitan kepada kesan dan akibat yang timbul untuk dianggap sebagai satu punca kesalahan jenayah (Bohlander, 2009). Sebagai contoh, sekiranya defendan menumbuk mangsa tetapi didapati punca kematian mangsa adalah disebabkan sakit jantung dan bukan tumbukan defendan maka tindakan defendan itu tidak dianggap sebagai sebab kematian dan defendan tidak boleh dikatakan bersalah atas menyebabkan kematian (*R v Carey & Ors, 2006*). Hal ini juga kerana sakit jantung itu tidak dijangkakan (*unforeseeable*) oleh defendan sebagai sesuatu perkara yang akan berlaku.

Seperti yang telah dinyatakan, isu utama berkenaan perkaitan sebab-musabab dan AI adalah berkenaan dengan ujian yang sesuai serta cara penentuan yang boleh digunakan dalam meletakkan liabiliti terhadap AI. Perkara ini sukar untuk ditentukan memandangkan terdapat banyak

sumber yang boleh menyebabkan AI bertindak di luar kawalan dan melakukan kesalahan jenayah. Kesalahan oleh AI boleh berlaku sekiranya terdapat kesilapan di peringkat awal dalam sistem penggunaan AI tersebut ataupun terdapat juga kemungkinan adanya kesilapan pada peringkat produksi. Persoalan bagi sebab-musabab ini hanya boleh dinilai dengan melihat kepada kedudukan defendan dan perkaitan hubungan antara defendan dan juga AI yang digunakan. Selain itu, tujuan utama penggunaan AI tersebut juga boleh diambil kira dalam menentukan sebab-musabab kesalahan jenayah (Cindy M, William & Woodrow, 2017). Seterusnya, cabaran dalam isu ini adalah dengan menentukan sama ada semua tindakan AI yang dijangka akan berlaku boleh menyebabkan satu tanggungjawab diberikan kepada defendan. Satu tindakan yang boleh dijangka tetapi mustahil akan berlaku tidak boleh menyebabkan satu liabiliti dikenakan terhadap defendan (Ashworth, 2003). Menggunakan prinsip ini, jelas dapat dilihat terdapat cabaran dalam menentukan satu kesalahan jenayah itu adalah disebabkan oleh AI. AI merupakan satu teknologi yang boleh bertindak di luar jangkaan yang akan menyebabkan sesuatu yang dianggap tidak akan berlaku boleh berlaku dalam sekelip mata. Sekiranya semua tindakan AI dijangkakan akan berlaku dan tidak mustahil untuk berlaku, persoalan selanjutnya adakah wajar dan adil untuk meletakkan liabiliti ke atas pengguna sepenuhnya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat cabaran yang besar dalam mengaitkan sebab-musabab kesalahan jenayah berlaku dengan AI menyebabkan adanya kekangan dalam meletakkan liabiliti jenayah ke atas AI. Persoalan sebab-musabab ini hanya boleh terjawab

sekiranya pembuktian terdapat hubungan yang rapat antara pengguna dan kesilapan yang berlaku menyebabkan AI melakukan kesalahan jenayah. Perlu dibuktikan kesilapan yang dilakukan mempunyai perkaitan dengan tindakan yang dikeluarkan oleh AI (Nora, 2010).

#### v. Cabaran statutori

Kelompangan di dalam perundangan Malaysia dalam menentukan liabiliti jenayah ke atas AI bukan sahaja daripada Kanun Keseksaan. Terdapat juga kesukaran dalam menentukan liabiliti jenayah AI dalam akta-akta lain yang mengawal selia kesalahan-kesalahan jenayah. Sebagai contoh, AI juga mempunyai kebolehan untuk melakukan kesalahan-kesalahan jenayah siber seperti menghasilkan ciapan atau pernyataan yang menyentuh sensitiviti dan melanggar peraturan. Sebagai contoh, pada tahun 2016, sebuah sistem *chatbot* yang mempunyai sistem kecerdasan buatan telah dengan sendirinya memuat naik satu bentuk perbualan yang menyentuh sensitiviti perkauman dan menunjukkan seakan-akan sokongan diberikan terhadap prinsip fahaman Adolf Hitler. Akta Jenayah Komputer 1997 Malaysia juga masih belum bersedia untuk mengawal kesalahan-kesalahan seperti ini yang berlaku bukan disebabkan oleh manusia, tetapi oleh teknologi canggih seperti sistem AI itu sendiri. Selain itu, terdapat juga cabaran dalam menentukan kecualian am bagi AI sekiranya liabiliti jenayah dikenakan terhadap sistem tersebut. Memandangkan kecualian am turut dinyatakan di dalam Kanun Keseksaan, adakah wajar hak yang sama diberikan kepada sistem kecerdasan buatan yang sehingga kini masih tidak mempunyai satu personaliti undang-undang tersendiri. Akhir sekali, sekiranya liabiliti undang-undang jenayah

dikenakan terhadap AI, terdapat juga cabaran dalam menentukan jenis perundangan yang sesuai diguna pakai. Memandangkan undang-undang sedia ada dilihat seperti tidak mencukupi, persoalan yang perlu dijawab juga adalah sama ada adanya keperluan untuk menggubal undang-undang baru atau cukup sekadar melakukan reformasi terhadap undang-undang sedia ada.

## RUMUSAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Merujuk kepada perbincangan sebelum ini, analisis telah dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan yang timbul akibat kesalahan jenayah yang dilakukan oleh teknologi kecerdasan buatan (AI). Perbincangan telah memberi tumpuan kepada elemen-elemen penting dalam undang-undang jenayah yang menentukan pihak yang boleh dipertanggungjawabkan, dan dapatan menunjukkan bahawa kelemahan utama terletak pada kesukaran untuk mengenakan liabiliti secara langsung terhadap AI. Selain itu, aspek tanggungan jenayah korporat turut dibincangkan sebagai satu pendekatan alternatif untuk menangani isu tersebut, khususnya dalam situasi di mana AI digunakan dalam konteks organisasi atau syarikat. Maka, bab kelima ini akan membentangkan cadangan-cadangan penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang jenayah di Malaysia, yang dirumuskan berdasarkan dapatan dan analisis daripada perbincangan dalam bab-bab terdahulu. Pada zaman kini, penggunaan teknologi adalah perkara yang tidak boleh dielakkan dan tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang juga perlu ditambah baik seiring dengan pemodenan demi memastikan

keamanan dan keadilan di dalam masyarakat terjamin. Seperti contoh-contoh yang telah dibincangkan, dapat dilihat bahawa teknologi juga boleh menyebabkan kemalangan dan kegiatan jenayah berlaku. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa teknologi sistem kecerdasan buatan menyebabkan adanya risiko yang tidak menyenangkan kepada masyarakat. Walaupun sistem AI bertujuan untuk mengurangkan kesalahan manusia atau membantu manusia untuk mengatasi had kebolehan mereka, tiada jaminan bahawa AI juga tidak mempunyai kemungkinan untuk melakukan tindakan yang salah (Chris, 2018). Malahan apa yang menjadi kebimbangan adalah kerana terdapat kebarangkalian untuk AI melakukan kesalahan yang lebih besar seperti memberi ancaman kepada nyawa orang ramai. Oleh disebabkan itu, perundangan yang baik adalah perlu bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat tidak bertindak di luar kawalan dan membahayakan masyarakat.

i. Penggubalan undang-undang baharu yang sesuai  
Satu konsep falsafah yang dikenali sebagai *pragmatism* perlu diambil kira dalam melaksanakan satu undang-undang yang baharu. Konsep *pragmatism* ini boleh didefinisikan sebagai satu cara pemikiran yang digunakan oleh orang-orang yang ingin membawa ideologi baharu dengan mengambil langkah dengan cara menyelesaikan masalah secara praktikal berbanding menggunakan teori atau pemikiran yang abstrak (Douglas, 2005). Konsep *pragmatism* ini boleh diguna pakai dalam menentukan peraturan baru, namun masih terdapat kebarangkalian bahawa akan adanya kekurangan timbul. Memandangkan undang-undang sentiasa berkait antara satu sama lain, menggunakan konsep

ini boleh menyebabkan satu peraturan hanya membantu dalam menyelesaikan masalah bagi satu perkara tetapi akan memberi impak yang buruk kepada sesuatu perkara yang lain (Oliver, 1881). Sebagai contoh, satu peraturan diwujudkan dalam meletakkan liabiliti keras (*strict liability*) terhadap pengguna AI adalah tidak konsisten dengan satu peraturan lain yang memberi galakan kepada syarikat pengeluaran atau saintis yang mengendalikan AI untuk membuat kajian dan menggunakan AI secara menyeluruh. Hakim Easterbrook di dalam penulisannya yang bertajuk *Cyberspace and the Law of the Horse* turut menyatakan kebimbangannya bahawa akan adanya kesilapan ketika membina satu perundangan baharu (*ex novo law*) bagi mengawal selia teknologi moden yang berkembang dengan pesat.

Satu pendekatan yang komprehensif wajar dilaksanakan bagi memastikan undang-undang sedia ada atau baharu boleh mengawal selia kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh AI. Terdapat dua pendekatan yang dominan yang telah diguna pakai dalam membuat peraturan bagi AI dan robot iaitu pendekatan perundangan (*legalistic*) dan pendekatan teknologi (*technological*). Pendekatan yang pertama ini bermula daripada sistem perundangan dan kajian akan dijalankan dengan melihat kepada masalah-masalah yang bakal timbul serta jenis bidang perundangan yang akan terkesan akibat daripada kesalahan yang dilakukan oleh AI. Pendekatan kedua pula akan menggunakan cara berbeza dengan mengkaji teknologi terlebih dahulu kesannya kepada perundangan. Sebagai contoh, penggunaan kereta tanpa pemandu, robot serta dron akan dikaji secara terperinci mengikut kategori masing-masing dan masalah perundangan yang

timbul akan dinilai berasaskan kategori berkaitan. Walaupun kedua cara ini banyak diguna pakai, masih banyak cabaran dalam melaksanakan undang-undang dalam mengawal selia liabiliti jenayah terhadap AI. Cabaran yang akan timbul melalui cara ini adalah berkemungkinan akan berlakunya sekatan dalam perkembangan teknologi. Sekiranya pembaharuan ingin dilaksanakan dengan memberi personaliti undang-undang terhadap AI, penggubalan undang-undang perlu dilakukan secara menyeluruh memandangkan pendefinisian baharu perlu diperkenalkan.

Semestinya perkara paling penting dalam menjayakan perkara ini adalah dengan mengadakan kajian yang menyeluruh dan terperinci. Pihak penggubal undang-undang yang terlibat perlu memastikan mereka memahami dengan mendalam bagaimana satu sistem AI itu berfungsi agar undang-undang dapat memberikan keadilan kepada semua orang yang akan menerima kesannya. Kajian yang menyeluruh wajar dilaksanakan agar undang-undang yang mengawal selia sistem kecerdasan buatan tidak menindas mana-mana pihak. Pihak bertanggungjawab perlu mempertimbangkan sama ada undang-undang jenayah yang dibentuk untuk mengawal tingkah laku manusia mampu untuk melakukan perkara yang sama terhadap sistem teknologi. Sekiranya undang-undang jenayah sedia ada tidak langsung sesuai untuk digunakan terhadap sistem AI, satu usaha untuk menggubal perundangan baharu perlu dilaksanakan. Memandangkan penggunaan sistem AI di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah, sekarang adalah masa yang terbaik untuk pihak kerajaan mengambil langkah untuk menggubal undang-undang yang baharu. Hal ini disebabkan kerana untuk mewujudkan

satu rangka kerja (*framework*) dan peruntukan undang-undang yang baik, masa yang banyak akan diperlukan. Satu rangka kerja yang memberikan panduan untuk menyelesaikan masalah perundangan yang melibatkan teknologi ini akan membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul pada masa akan datang apabila tahap penggunaan teknologi AI di Malaysia berleluasa.

Matthew U. Scherer, seorang peguam daripada Amerika Syarikat melalui penulisannya yang bertajuk 'Regulating Artificial Intelligence Systems: Risks, Challenges, Competencies, and Strategies' telah memberikan cadangan peraturan yang boleh digunakan untuk menentukan liabiliti ke atas sistem AI. Matthew mencadangkan agar Akta Pembangunan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence Development Act*) diwujudkan. Peruntukan akta ini akan memberikan garis panduan bagi syarikat-syarikat yang ingin menggunakan sistem kecerdasan buatan. Antara kandungan yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam akta ini adalah mewajibkan syarikat atau agensi yang terlibat dalam mengendalikan sistem AI untuk mengemukakan sijil keselamatan. Satu garis panduan yang menerangkan langkah-langkah keselamatan perlu dipatuhi dan pelanggaran kepada mana-mana syarat akan menyebabkan denda atau lesen untuk mengendalikan sistem AI ditarik balik. Peruntukan yang baharu ini juga akan menerangkan liabiliti-liabiliti yang wujud terhadap pereka, pengilang, penjual dan pengguna sistem kecerdasan buatan. Mewujudkan peraturan yang khusus ini boleh membantu masalah yang timbul disebabkan perbuatan sistem AI diselesaikan dengan lebih baik dan pihak yang melakukan kesalahan tidak akan dapat lari daripada menggalas

tanggungjawab tersebut.

Perkara yang paling penting dan asas bagi mewujudkan peraturan ke atas sistem kecerdasan buatan adalah dengan pertama sekali meletakkan peruntukan-peruntukan seperti menerangkan tanggungjawab setiap agensi yang terlibat (Matthew, 2016). Sekiranya terdapat persoalan atau keresahan bahawa penggubalan undang-undang bertulis hanya akan menyebabkan limitasi terhadap inovasi dan perkembangan sistem AI, syarat-syarat keselamatan am boleh diperkenalkan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat banyak pelanggaran dan kemalangan, syarat yang lebih ketat boleh dikemas kini kerana dalam apa jua perkara, keselamatan dan kepentingan masyarakat perlu diutamakan. Dalam cadangan yang dikemukakan oleh Matthew, Akta Pembangunan Kecerdasan Buatan yang dicadangkan untuk dibangunkan akan memberikan kuasa kepada syarikat untuk mengeluarkan sistem sijil keselamatan tersendiri kepada sistem AI yang akan digunakan untuk tujuan komersial. Namun, kebebasan ini tidak mutlak dan syarikat masih perlu mematuhi syarat-syarat am keselamatan yang telah diperuntukkan di dalam akta tersebut. Selain itu, liabiliti yang dikenakan juga boleh diperluaskan iaitu sama ada melalui tort yang akan memberikan denda mengikut jenis-jenis kes ataupun melalui hukuman sekiranya kesalahan jenayah berlaku. Bagi liabiliti jenayah, peruntukan ini akan mengkhususkan jenis-jenis kesalahan jenayah yang akan menyebabkan hukuman seperti penjara dikenakan. Jenis kesalahan jenayah dalam kategori liabiliti ketat (*strict liability*) bagi sistem AI juga wajar diperkenalkan.

Pihak yang terlibat dalam mengendalikan sistem AI seperti saintis dan usahawan turut menyatakan

bahawa AI boleh menjadi satu sistem yang memudaratkan tetapi dalam masa yang sama mampu untuk memberikan banyak manfaat kepada manusia (Daniel, 2015). Sekiranya pertimbangan dibuat untuk menghalang sistem AI daripada digunakan, perkara tersebut adalah tidak wajar. Menurut ahli falsafah terkenal, John Stuart melalui konsep *utilitarianism* yang diperkenalkannya mengutamakan perkara yang mendatangkan kegembiraan sebagai yang utama dalam menentukan undang-undang. Menggunakan konsep ini di dalam penggubalan peruntukan undang-undang sistem AI, sekiranya penggunaan sistem AI mendatangkan kesejahteraan kepada masyarakat maka undang-undang yang mampu mengawal sistem ini perlu diwujudkan berbanding undang-undang yang menghalangnya. Walaupun terdapat risiko untuk AI memberikan risiko kepada masyarakat, teknologi yang banyak membantu memudahkan kehidupan manusia dan memberikan kegembiraan tidak sewajarnya dihalang secara terus. Sekiranya menggubal undang-undang baharu dianggap tidak sesuai untuk dilakukan pada masa kini, meletakkan tanggungjawab kepada pihak yang sesuai juga turut boleh dilaksanakan. Halangan yang timbul akibat daripada sifat AI yang mungkin mampu membahayakan manusia atau mewujudkan satu peruntukan khusus yang melarang perkara ini juga berkemungkinan bukan merupakan satu cara yang sesuai untuk menyelesaikan masalah liabiliti yang boleh dikenakan (Matilda, 2017).

Sama ada melalui reka bentuk atau sistem yang tidak dapat dilihat dengan mata zahir, AI juga mempunyai kebarangkalian untuk melakukan kesilapan sama seperti seorang manusia. Seperti yang telah disebut, walaupun konsep yang diperkenalkan

John Stuart mementingkan kesejahteraan dalam masyarakat; perkara pertama yang perlu diambil kira adalah kegembiraan yang wujud itu perlu diambil kira daripada perspektif majoriti komuniti di dalam masyarakat tersebut. Ahli falsafah itu juga berpendapat bahawa kerajaan mempunyai hak untuk meletakkan peraturan-peraturan terhadap individu yang mempunyai potensi untuk membahayakan orang awam (John, 1863). Terutama sekali bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang juga merupakan kesalahan moral, penting untuk masyarakat mengetahui liabiliti yang boleh dikenakan terhadap pesalah (Joel, 1984). Meletakkan tanggungjawab terhadap pereka yang mengendalikan sistem AI juga boleh dijadikan sebagai satu pilihan. Namun, terdapat kemungkinan bahawa cara tersebut bukan merupakan yang terbaik. Hal ini juga kerana tidak semua sistem AI dibentuk untuk melakukan tindakan yang tidak dibenarkan undang-undang. Kemungkinan liabiliti ini boleh diberikan sekiranya pengeluar sistem AI dibuktikan tidak patuh padal prosedur keselamatan atau terdapat kecuai pada peringkat pengendalian sistem. Meletakkan liabiliti ini akan menimbulkan satu tanggungjawab terhadap pengendali sistem AI untuk sentiasa mengawal tingkah laku mesin yang menggunakan sistem kecerdasan buatan (George, 1998).

#### ii. Sekatan yang diperlukan terhadap pengendali AI

Mewajibkan pengendali AI untuk sentiasa mengawal sistem tersebut boleh digunakan sebagai langkah awal untuk menyelesaikan isu liabiliti jenayah terhadap kecerdasan buatan. Perkara ini boleh berlaku perubahan mengikut kajian-kajian yang akan sentiasa dilakukan mengikut perkembangan yang terkini.

Memandangkan sistem AI mampu mengeluarkan tindakan tanpa arahan, satu peraturan bersifat halangan (*preventive*) perlu diwujudkan sebagai langkah berjaga-jaga. Sekiranya tanggungjawab untuk mengawal selia sistem AI diletakkan kepada pengeluar, buat masa kini ianya sudah memadai untuk menimbulkan satu obligasi untuk mereka memastikan risiko kemalangan untuk berlaku berada pada tahap yang paling rendah. Sebagai contoh, seperti apa yang telah dilakukan oleh Eropah di dalam peruntukan artikel 17 di dalam Markets in Financial Instruments Directive yang meletakkan satu tanggungjawab terhadap firma pelaburan untuk sentiasa mengawal selia algoritma perdagangan (*algorithm trading*) kerana sifatnya yang mampu untuk menghasilkan data sendiri tanpa arahan manusia tetapi mengikut algoritma sistem pelaburan yang digunakan. Tanggungjawab ini diletakkan untuk menghalang sebarang kelakuan pelaburan yang merupakan kesalahan di bawah Market Abuse Regulation Eropah. Walaupun artikel 17 tersebut tidak memberikan apa-apa hukuman jenayah, satu liabiliti telah dikenakan terhadap firma pelaburan dan ahlinya untuk memastikan kemalangan dapat dielakkan. Sekiranya dibuktikan tanggungjawab penyeliaan (*supervision duty*) ini tidak dilaksanakan dengan baik dan adanya kemalangan yang berlaku, liabiliti jenayah melalui undang-undang jenayah berkemungkinan boleh digunakan. Namun, memandangkan undang-undang jenayah juga mempunyai elemen ‘jangkaan’ dalam menentukan sebab-musabab bagi kesalahan jenayah, menggunakan cara ini kemungkinan hanya akan menyelesaikan sebahagian daripada masalah liabiliti AI. Selain itu, walaupun terdapat kemungkinan bahawa sekatan akan menyebabkan

terbantutnya teknologi, perkara ini masih perlu dan wajar untuk dilakukan bagi menyelesaikan masalah yang bakal timbul. Undang-undang tidak digubal untuk menyekat modernisasi namun kesejahteraan dan keadilan dalam masyarakat perlu diutamakan. Andainya teknologi akan menyebabkan banyak masalah, undang-undang akan bertindak sebagai limitasi dan garis panduan agar tiada hak masyarakat dilanggar.

#### Kesimpulan

Memetik kata-kata yang telah dinyatakan oleh Stephen Hawking,

*one can imagine such technology outsmarting financial markets, out-inventing human researches, out-manipulating human leaders, and developing weapons we cannot even understand. Whereas the short-term impact of AI depends on who controls it, the long-term impact depends on whether it can be controlled at all.*

Pernyataan ini juga menunjukkan bahawa teknologi yang kini berkembang dengan sangat pesat bukan sahaja mempunyai kesan pada masa kini namun ia juga mempunyai kesan jangka masa panjang memandangkan teknologi AI khususnya mempunyai kuasa untuk mengeluarkan hasil tanpa kawalan atau arahan manusia. Bagi mengelakkan lebih banyak masalah timbul pada masa hadapan, dalam persediaan menuju ke arah modernisasi, kerajaan juga perlu menitik beratkan perundangan yang akan mengawal selia sistem AI agar perkara yang tidak diingini dapat dielakkan daripada berlaku. Melalui perbincangan yang telah dijalankan, memandangkan terdapat banyak cabaran dan kekangan dalam undang-undang di Malaysia

untuk meletakkan liabiliti jenayah ke atas kecerdasan buatan; satu kajian yang menyeluruh wajar dilaksanakan.

Kesimpulannya, penentuan liabiliti jenayah terhadap kecerdasan buatan masih menghadapi pelbagai kelompangan dan kelemahan dari sudut perundangan, khususnya dalam aspek pengiktirafan entiti, pembuktian elemen *mens rea*, serta mekanisme pertanggungjawaban yang sesuai. Masalah utama yang timbul daripada perkara ini adalah disebabkan oleh bentuk undang-undang bertulis seperti Kanun Keseksaan yang menentukan liabiliti hanya sesuai digunakan terhadap manusia yang mampu untuk dinilai menggunakan elemen *actus reus* dan juga *mens rea*. Walaupun terdapat kemungkinan bahawa liabiliti ketat boleh dikenakan terhadap AI yang sukar untuk membuktikan elemen *mens rea*, masalah yang sama juga berkemungkinan boleh timbul semula oleh kerana sifat AI yang mampu untuk menganalisis data dan menghasilkan tindakan sendiri tanpa arahan oleh mana-mana pihak sama seperti manusia. Sekiranya isu liabiliti ini diambil mudah, terdapat kemungkinan bahawa akan berlakunya ketidakadilan di dalam undang-undang. Selain daripada bertujuan untuk memberikan hukuman, undang-undang jenayah juga diwujudkan untuk memberikan pengajaran dan mendidik manusia untuk memperbetulkan kesilapan yang lalu. Keadilan terhadap mangsa-mangsa

juga akan dapat ditegakkan. Namun, objektif ini dilihat tidak mampu dapat dicapai sekiranya hukuman yang sama diberikan terhadap AI. Memandangkan AI hanyalah satu sistem yang digunapakai di dalam mesin seperti robot, antara persoalan yang timbul juga melibatkan sama ada hukuman yang boleh diberikan terhadap AI mampu memberikan keadilan. Hal ini juga termasuk kepada adanya keperluan untuk menentukan hukuman-hukuman yang sesuai untuk dikenakan terhadap AI. Sebagai contoh, andainya hukuman yang dikenakan terhadap AI adalah kewajiban untuk pengguna mematikan sistem dan larangan dikenakan agar AI yang melakukan kesalahan jenayah tidak lagi boleh digunakan di dalam industri, adakah keadilan dianggap sebagai tercapai? Perkara ini pula akan menimbulkan masalah ketidakadilan terhadap pengguna sistem AI memandangkan mereka juga tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap kebolehan sistem kecerdasan buatan untuk melakukan tindakan. Maka, disebabkan isu-isu dan masalah yang timbul seperti yang telah dibincangkan; satu rangka kerja perundangan yang menilai secara khusus masalah dan penyelesaian terhadap isu liabiliti jenayah ke atas kecerdasan buatan perlu dibangunkan agar masalah-masalah yang akan timbul pada masa hadapan dapat dielakkan dan diselesaikan menggunakan kaedah yang terbaik.

## Rujukan

- Aggarwal, A. (2021). *Analysing the Possibility of Imposing Criminal Liability on AI Systems*. The Criminal Law Blog National Law University, Jodhpur. Dipetik pada [23 April 2022] dari <https://criminallawstudiesnluj.wordpress.com/2021/01/19/analysing-the-possibility-of-imposing-criminal-liability-on-ai-systems/#:~:text=An%20AI%20entity%20must%20possess,AI%20outweigh%20the%20positive%20consequences.>
- Ali Atif. (2021). Artificial intelligence and criminal liability: Challenges in articulation of legal aspects for counter-productive actions of machine learning. *International Journal of Instructional Technology and Education Studies*, 2(3).
- Ankit Kumar Padhy & Amit Kumar Padhy. (2019). Criminal liability of the artificial intelligence entities. *Nirma University Law Journal*, 8(2).
- Anon. (2018). *Corporate criminal liability, AI and DPAs*. Dipetik pada [15 Jun 2022] dari <https://www.sfo.gov.uk/2018/06/21/corporate-criminal-liability-ai-and-dpas/>
- Anon. (2020). *Criminal Responsibility: Evaluation and Overview*. Dipetik pada [10 Jun 2022] dari <https://online.maryville.edu/blog/criminal-responsibility/#:~:text=To%20establish%20criminal%20responsibility%20for,do%20so%20purposely%20and%20knowingly.>
- Anon. (2021). *Understanding Artificial Intelligence*. Dipetik pada [10 Julai 2022] dari <https://blog.vsoftconsulting.com/blog/understanding-artificial-intelligence>
- Anon. (2022). Artificial intelligence: threats and opportunities. Dipetik pada [10 Februari 2022] dari <https://www.europarl.europa.eu/news/en/headlines/society/20200918STO87404/artificial-intelligence-threats-and-opportunities#:~:text=AI%20applications%20that%20are%20in,human%20control%20over%20dangerous%20weapons.>
- Azrol Abdullah & Nazura Abdul Manap. (2020). *Ancaman Tort Kecerdasan Buatan terhadap Manusia: Retorik atau Realiti?*. Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia.
- Bendett, S. (2020). *Russia's AI Quest for Military Advantage*. Georgetown Journal of International Affairs. Retrieved from <https://gjia.georgetown.edu/2020/03/13/russias-ai-quest-for-military-advantage/>
- Browne, R. (2018). Five of the Scariest Predictions About Artificial Intelligence. Dipetik pada [10 Februari 2022] dari <https://www.cnn.com/2018/08/01/five-of-the-scariest-predictions-for-ai.html>.
- Cerka, Paulius, Grigiene, Jurgita, et al. (2017). *Is It Possible to Grant Legal Personality to Artificial Intelligence Software Systems*. The International Journal of Technology Law and Practice.

- Cerka, Paulius, Grigiene, Jurgita, et al. (2015). *Liability for Damages Caused by Artificial Intelligence*. Computer Law and Security Review.
- Conger, K., Metz, C., & Wakabayashi, D. (2018). *A.I. Researchers Are Making More Than \$1 Million, Even at a Nonprofit*. The New York Times. Retrieved from <https://www.nytimes.com/2018/04/19/technology/artificial-intelligence-salaries-openai.html>
- Cour de cassation. (2024, May 22). *Arrêt n° 23-83.180 – Transfert de la responsabilité pénale en cas de fusion-absorption*. Retrieved from <https://navacelle.law>
- Dahshan, Y. (2020). Criminal liability for artificial intelligence crimes. *Journal Sharia and Law*, 82(2).
- Deborah. (n.d.). Criminal liability US. Dipetik pada [10 Jun 2022] dari <https://www.criminaldefenselawyer.com/resources/criminal-liability.htm>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi keempat)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Future of Life Institute. (n.d.). *Benefits & Risks of Artificial Intelligence*. Dipetik pada [20 Februari 2022] dari <https://futureoflife.org/background/benefits-risks-of-artificial-intelligence/>.
- Hallevy, G. (2010). The Criminal Liability of Artificial Intelligence Entities – From Science Fiction to Legal Social Control. *Akron Intellectual Property Journal*, 4(2).
- Hughes, B. & Williamson, R. (2019). How English Law Liability Frameworks May Apply to AI. Dipetik pada [10 Jun 2022] dari <https://www.law360.com/articles/1227726/how-english-law-liability-frameworks-may-apply-to-ai>
- Karlsson, M. (2017). *Artificial Intelligence and the External Element of the Crime: An Analysis of the Liability Problem*. Orebro Universitet Juridicum.
- Kelly, P., Walsh, M., Wyzykiewicz, S. & Young-Alls, S. (2021). Man vs Machine: Legal liability in Artificial Intelligence contracts and the challenges that can arise. Dipetik pada [10 Jun 2022] dari <https://www.dlapiper.com/en/romania/insights/publications/2021/10/man-vs-machine-legal-liability-artificial-intelligence-contracts/#:~:text=Instead%2C%20it%20has%20suggested%20a,a%20fault%2Dbased%20assessment7>.
- Kyodo News. (2023, 24 October). Japan's FSA orders Big Motor to suspend operations at 34 shops.
- Leadley, J., Corby, K., Redmond, J., & Gest, L. (2022). United Kingdom: UK publishes report on the impact of Artificial Intelligence on product safety. Dipetik pada [19 Jun 2022] dari <https://www.globalcompliancenews.com/2022/05/31/uk-publishes-report-on-artificial-intelligence230522/>
- Marr, B. (2020). *Is Artificial Intelligence (AI) A Threat to Humans?*. Dipetik pada [10 Mac 2022] dari <https://www.forbes.com/sites/bernardmarr/2020/03/02/is-artificial-intelligence-ai-a-threat-to-humans/?sh=3f90ff5b205d>

McCarthy, J., Minsky, M. L., Rochester, N., & Shannon, C. E. (1955). *A proposal for the Dartmouth Summer Research Project on Artificial Intelligence*. Dartmouth College. <https://www-formal.stanford.edu/jmc/history/dartmouth/dartmouth.html>

Nur Husna Binti Azizan  
Nazura Abdul Manap  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor

a173712@siswa.ukm.edu.my  
nazura@ukm.edu.my

Mohd Ali, H. (2017). *Liabiliti jenayah korporat di Malaysia mengikut perspektif tadbir urus korporat*. *Jurnal Pengurusan*, 51(19), 225–234.  
<https://doi.org/10.17576/pengurusan-2018-51-19>

Nagata, K. (2023, 25 July). Big Motor chief to resign in wake of repair fraud scandal. *The Japan Times*.

Nakazaki, T. (2022). Japan: Artificial Intelligence Comparative Guide. Dipetik pada [10 Jun 2022] dari <https://www.mondaq.com/technology/1059766/artificial-intelligence-comparative-guide>

Osmani, N. (2020). The complexity of Criminal Liability of AI Systems. *Masaryk University Journal of Law and Technology*, 14(1).

Shamsuddin Suhor. (2016). *Jenayah dan Kanun Kesenakan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thomas, M. (2021). *7 Dangerous Risks of Artificial Intelligence*. Dipetik pada [2 Mac 2022] dari <https://builtin.com/artificial-intelligence/risks-of-artificial-intelligence>.

Turing, A. M. (1950). Computing machinery and intelligence. *Mind*, 59(236), 433–460.  
<https://doi.org/10.1093/mind/LIX.236.433>